



Berita Utama



BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP PETANG

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 8 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang yang dihoskan oleh Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong berlangsung di Grand Hyatt Singapore.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang yang dihoskan oleh Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Berkenan hantar titah perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong serta kerajaan dan rakyat Republik Singapura bersempena dengan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Singapura yang Ke-60 Tahun.

Kukuhkan hubungan dua hala melalui perpaduan warisan, kemakmuran bersama

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi

HARI ini, kita berkumpul bukan sahaja untuk meraikan acara tetapi untuk mengesahkan ikatan yang menjangkau jauh di luar sempadan. Majlis ini adalah perayaan perpaduan, warisan dan kepelbagaian. Asal geografi dan budaya kita yang dikongsi memberi kita asas yang unik, yang boleh kita bina untuk kemakmuran bersama dan kekuatan serantau.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan serta kepada pasukan yang berdedikasi di Pejabat Perdagangan dan Pelancongan Sarawak di Brunei (STATOB), kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak - Brunei 2025.

Bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ketika kebanggaan dan perpaduan kebangsaan amat dirasakan di setiap pelosok negara kita.

Lebih daripada sekadar sambutan, acara hari ini mewakili komitmen ketara ke arah mengukuhkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Sarawak dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pelancongan, pertukaran sosiobudaya dan pembangunan ekonomi yang mampan.

Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak - Brunei 2025 menghimpunkan apa yang terbaik yang kedua-dua negeri tawarkan. Ia adalah platform dinamik yang :

Menyokong pertumbuhan usahawan tempatan dalam industri makanan, kreatif dan kraf tangan;

Mempamerkan perpaduan rakyat kita, yang dikaitkan dengan warisan, bahasa, adat resam dan nilai yang dikongsi berabad-abad;

Bertindak sebagai pemangkin kepada pelancongan serantau, menjemput pengunjung untuk merasai sendiri jiwa budaya kita;

Dan memupuk hubungan yang lebih kukuh dalam kalangan PMKS yang berpotensi untuk berskala serantau dan global.

Hubungan kita berakar umbi dalam sejarah. Selama beberapa generasi, peniaga, keluarga, dan persembahan budaya menyeberangi perairan antara NBD dan Sarawak, berkongsi ilmu, membina kepercayaan, dan memupuk persahabatan.

Sebagai seorang yang pernah berkunjung ke Sarawak dan bertemu dengan orang ramai, para artisan dan usahawannya yang bersemangat, saya secara peribadi menyaksikan kekayaan budaya, tradisi dan inovasinya yang berkembang maju dalam masyarakatnya. Dan saya tahu bahawa kekuatan seperti itu juga bergema di sini di NBD.

Peristiwa seperti ini bukan sekadar simbolik, ia adalah strategik. Mereka membenarkan kami membina jambatan sebenar merentasi sempadan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyokong penuh inisiatif yang mengukuhkan kerjasama serantau. Kita melihat Sarawak bukan sahaja sebagai jiran tetapi sebagai rakan kongsi dalam membina komuniti ekonomi yang

berdaya tahan dan berpandangan ke hadapan.

Oleh itu, kami memuji STATOB atas usahanya dalam menjadikan Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak - Brunei membuahkan hasil. Adalah diharapkan cadangan seumpama ini menjadi program perdana tahunan dengan jangkauan dan penyertaan yang lebih luas.

Kerjasama ini boleh diperluaskan melangkaui pertukaran budaya dan pameran kulineri, malah merangkumi bidang-bidang baharu seperti inovasi belia, perdagangan digital, industri kreatif dan penjagaan alam sekitar, memastikan perkongsian itu kekal sedia pada masa hadapan, memberi impak dan memperkasakan generasi akan datang.

Semasa kita bergerak ke hadapan bersama-sama, jadikan kesempatan ini sebagai peluang, apa yang boleh kita capai melalui visi, kepercayaan dan kerjasama yang dikongsi bersama. Semoga ia memberi inspirasi kepada lebih banyak inisiatif yang mendekatkan rakyat kita dan mengeratkan ikatan yang menyatukan NBD dan Sarawak.

Marilah kita pastikan legasi ini akan berterusan. Saya menyeru belia kita terutamanya, untuk melangkah ke hadapan, untuk melibatkan diri dan belajar daripada satu sama lain dan untuk berinovasi bersama. Obor kerjasama mesti diteruskan, bukan sahaja melalui dasar yang saling menguntungkan, tetapi melalui minat, kreativiti dan semangat keusahawanan.

Kepada semua penduduk NBD, saya menjemput *biskita* dan keluarga *biskita* untuk memeriahkan Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak - Brunei 2025 yang berlangsung hari ini dan esok. Nikmati kekayaan rasa masakan tempatan Sarawak - Brunei dan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Majlis Perasmian Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak - Brunei 2025 pada Sabtu, 2 Ogos 2025 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

hayati persembahan tradisional yang bergema dengan inti pati budaya dan nilai bersama kita. Marilah kita meraikan apa yang menjadikan kita unik dan apa yang mengikat kita bersama.

Dengan itu dan dengan kalimah, *Bismillahir Rahmanir Rahim* dengan penuh penghormatan dan semangat solidariti, saya dengan ini merasmikan program 'Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak - Brunei 2025'.

Terima kasih dan *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASHIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	SABTU	15	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
10	AHAD	16	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.35	7.47
11	ISNIN	17	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.34	7.46
12	SELASA	18	4.46	4.56	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46
13	RABU	19	4.47	4.57	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.45
14	KHAMIS	20	4.47	4.57	6.17	6.39	12.26	3.42	6.33	7.45
15	JUMAAT	21	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.41	6.33	7.45

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	32 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
31 25 °C	31 25 °C	31 24 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

Menjadi bertanggungjawab dalam menjaga keluarga

KELUARGA merupakan asas kepada kehidupan setiap individu. Ia bukan sahaja tempat kita membesar, malah menjadi sumber kasih sayang, sokongan dan bimbingan. Menjadi bertanggungjawab dalam menjaga keluarga adalah satu amanah yang memerlukan kesedaran, pengorbanan dan keikhlasan.

Tanggungjawab menjaga keluarga merangkumi pelbagai aspek, termasuk menyediakan keperluan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Selain itu, ia juga melibatkan penjagaan emosi, kesihatan dan pendidikan ahli keluarga. Sebagai contoh, ibu bapa yang bertanggungjawab akan memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang baik, mengajar mereka nilai-nilai murni serta memberi kasih sayang tanpa syarat.

Selain itu, setiap ahli keluarga perlu memainkan peranan masing-masing. Anak-anak boleh membantu dengan melakukan kerja rumah, menghormati ibu bapa dan menyokong antara satu sama lain. Ahli keluarga yang saling mengambil berat akan mewujudkan suasana harmoni dan mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

Menjaga keluarga juga bermaksud bersedia untuk berkorban demi kebaikan bersama. Ini termasuk mengutamakan keperluan keluarga berbanding kepentingan peribadi serta memberikan masa dan tenaga untuk membantu. Pengorbanan seperti ini adalah bukti kasih sayang dan komitmen yang tinggi terhadap keluarga.

Sikap tanggungjawab dalam keluarga akan membentuk generasi yang lebih baik. Anak-anak yang dibesarkan dalam persekitaran yang penuh perhatian dan kasih sayang akan lebih cenderung untuk menjadi individu yang penyayang, berdisiplin dan bertanggungjawab apabila dewasa kelak. Nilai-nilai ini akan terus diwarisi kepada generasi seterusnya.

Di Negara Brunei Darussalam, Hari Keluarga Kebangsaan disambut setiap hari Ahad minggu pertama dalam bulan Mei. Sambutan ini merupakan satu wadah untuk menyatukan usaha secara Whole of Nation dalam menyampaikan mesej mengenai pentingnya keharmonian keluarga dan pengukuhan institusi keluarga untuk mengatasi segala cabaran, terutama sekali dalam perpaduan masyarakat dan pembangunan negara.

Kesimpulannya, menjadi bertanggungjawab dalam menjaga keluarga adalah satu tugas mulia yang memerlukan usaha berterusan. Setiap ahli keluarga perlu menyedari bahawa kesejahteraan keluarga bergantung pada kerjasama, saling menghormati dan kasih sayang. Apabila setiap orang memainkan peranan mereka dengan ikhlas, keluarga akan menjadi lebih kukuh, bahagia, dan dihormati oleh masyarakat. Daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma berkata ia, aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya : "Dan seorang lelaki adalah pemimpin dalam urusan keluarganya dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya. Dan seorang isteri adalah pemimpin dalam mengurus rumah tangga suaminya dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya". (Hadis Riwayat Imam Bukhari). - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Turut hadir, isteri Tuan Yang Terutama, Madam Ho Ching.

Sebelum dilantik menjadi Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama merupakan Perdana Menteri Republik Singapura Ke-3 dari Ogos 2004 hingga Mei 2024, yang mana TYT dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum ini telah lama bekerjasama rapat dalam memperkukuhkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura termasuk bekerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang yang dihoskan oleh Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.

BERANGKAT TIBA DI REPUBLIK SINGAPURA

REPUBLIK SINGAPURA,

Jumaat, 8 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam selamat berangkat tiba di Republik Singapura.

Hadir bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi ialah Menteri Tenaga Manusia Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tan See Leng dan Pesuruhjaya Tinggi Republik



Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay dan isteri.

Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Puan Yang Terutama Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman.

Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-60 Tahun yang akan berlangsung esok, atas undangan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam selamat berangkat tiba di Republik Singapura (kiri dan bawah).



Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Raja Isteri berangkat ke Republik Singapura

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Ak. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN,

Jumaat, 8 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, hari ini berangkat ke Republik Singapura.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ialah kerabat diraja.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat ke Republik Singapura.

Di-Raja;
Menteri;

Timbalan-timbalan
Pesuruhjaya Polis,

Pasukan Polis Diraja Brunei dan
Pemerintah Angkatan Bersenjata

Diraja Brunei berserta pasangan
masing-masing.

KEBAWAH DYMM, KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI AKAN BERANGKAT KE REPUBLIK SINGAPURA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ketika berangkat menghadiri Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura pada tahun 2019 sempena Sambutan Bicentennial Republik Singapura.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam akan berangkat menghadiri Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-60 Tahun yang akan diadakan pada 9 Ogos 2025, atas undangan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ke

Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura tersebut mencerminkan jalinan persahabatan erat dan mesra yang telah sekian lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Kedua-dua buah negara menikmati kerjasama dua hala yang sangat baik, terutama sekali di bidang perdagangan dan pelaburan, kebolehtukaran mata wang, pertahanan serta hubungan antara rakyat dan juga bekerjasama rapat di peringkat serantau dan antarabangsa, termasuk ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Komanwel.

Kali terakhir Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat menghadiri Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura ialah pada tahun 2019 sempena Sambutan Bicentennial Republik Singapura.

Bersama membina komuniti sedia masa depan, berteraskan nilai murni

Siaran Akhbar : Jabatan ASEAN, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-58 Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan pada kesempatan ini, baginda menyeru agar kita merenung kembali perjalanan yang berakar umbi dalam aspirasi keamanan, kemakmuran dan kemajuan bersama untuk rakyat Asia Tenggara.

Dalam titah perutusan tahniah sempena ASEAN Day 2025, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menjelaskan sejak 1967, ASEAN telah berkembang menjadi komuniti yang berdaya tahan dan dinamik, bersatu dalam mengemudi persekitaran geopolitik yang kompleks, mengatasi cabaran ekonomi dan bertindak balas terhadap krisis daripada bencana alam hingga wabak.

Melalui usaha kolektif negara-negara anggota selama beberapa dekad, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, ASEAN telah membawa manfaat yang ketara

kepada rantau ini, dengan memelihara keamanan, keselamatan dan kestabilan, memupuk pertumbuhan yang mampan, dan meningkatkan kehidupan rakyatnya.

Ini menurut titah baginda termasuklah memupuk generasi pendidik, jurutera, seniman dan usahawan, melalui peluasan akses kepada pendidikan, mengukuhkan kerjasama serantau dan menyokong integrasi ekonomi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, tahun 2025 juga menandakan beberapa peristiwa penting bagi ASEAN, termasuk Ulang Tahun Ke-10 Komuniti ASEAN dan Ulang Tahun Ke-20 Sidang Kemuncak Asia Timur.

"Kami juga menantikan untuk mengalu-alukan Timor-Leste sebagai ahli penuh ke-11 ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 pada bulan Oktober, yang

seterusnya mengukuhkan perpaduan kita," titah baginda lagi.

Melangkah ke hadapan, tegas Kebawah DYMM, kita dipandu oleh Rancangan Strategik dalam ASEAN 2045: Masa Depan Bersama Kita, untuk membina sebuah ASEAN yang adaptif, berdaya tahan, inovatif dan berorientasikan rakyat yang mana menegaskan semula ASEAN Centrality serta komitmen kita untuk memastikan pembangunan yang inklusif dan mampan.

Baginda juga menekankan komitmen untuk memperkasa golongan belia sebagai pemangkin masa depan ASEAN.

"ASEAN akan terus mengharungi era digital, meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim serta memperkukuh keselamatan makanan dan tenaga. Bersama-sama, kita sedang membina sebuah komuniti

serantau yang bersedia untuk masa hadapan dan berteraskan nilai-nilai murni," titah baginda lagi.

Negara Brunei Darussalam, titah Kebawah DYMM, menyokong penuh kepemimpinan Malaysia di ASEAN di bawah tema 'Keterangkuman dan Kelestarian' serta menegaskan semula komitmennya untuk bekerjasama rapat, berdasarkan permuafakatan, dengan negara-negara anggota dan rakan-rakan ASEAN bagi merealisasikan matlamat yang digariskan dalam ASEAN 2045 dan membantu membentuk masa depan yang lebih cerah dan inklusif untuk semua.

Mengakhiri titah perutusan tersebut, baginda menyampaikan ucapan tulus ikhlas kepada seluruh rakyat ASEAN dan kepada masa depan di mana rantau kita terus berkembang maju dalam perpaduan, daya tahan dan kemakmuran bersama.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon



3 Pegawai Kanan ABDB dinaikkan pangkat



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II turut hadir pada majlis tersebut (kiri), sementara gambar atas, Majlis Kenaikan Pangkat disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan bagi tiga orang Pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) untuk dinaikkan ke pangkat Brigedier Jeneral dan Laksamana Pertama berkuat kuasa mulai hari ini.

Majlis Kenaikan Pangkat telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka

Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan bagi kenaikan pangkat Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Aldi bin Haji Hassan; Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapten Sahibul Bahari bin Haji Zainal, TLDB; dan Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei, Kolonel (U) Haji Haszahaidi bin Haji Ahmad

Daud, bertempat di Mes Pegawai Bolkiah Garrison.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan,

pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan, jemputan-jemputan khas serta ahli keluarga pegawai-pegawai kanan yang telah dinaikkan pangkat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

108 PEGAWAI ABDB DIPERKENANKAN NAIK PANGKAT



TURUT hadir pada Majlis Kenaikan Pangkat tersebut tersebut ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (atas dan kiri).

ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

MAJLIS Kenaikan Pangkat disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Jumaat, 8 Ogos. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 108 Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah diperkenalkan untuk dinaikkan pangkat.

Majlis Kenaikan Pangkat tersebut diadakan di Mes Pegawai Berakas Garrison dan disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Seramai lapan pegawai dinaikkan pangkat daripada

Pemangku Mejar ke Mejar Tetap, 29 pegawai dinaikkan pangkat daripada Kapten / Leftenan (TLDB) Tetap ke Mejar / Leftenan Komander (TLDB) Tetap, lima pegawai dinaikkan pangkat daripada Kapten Tetap ke Pemangku Mejar, 10 pegawai dinaikkan pangkat daripada Pemangku Kapten / Leftenan (TLDB) ke Kapten / Leftenan (TLDB) Tetap, 54 pegawai dinaikkan pangkat daripada Leftenan / Leftenan Madya (TLDB) ke Kapten / Leftenan (TLDB) Tetap, seorang pegawai dinaikkan pangkat daripada Kapten Tetap ke Mejar Tetap (Tauliah Khas) dan seorang pegawai dinaikkan pangkat daripada Leftenan Tetap ke Kapten Tetap.

Turut hadir pada majlis tersebut

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



BERI IMPAK POSITIF, SIGNIFIKAN

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Usul mengenai Wawasan Brunei 2035 dan usul supaya Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menyertai menjadi ahli penuh dalam Inter-Parliamentary Union (IPU) dan dalam Commonwealth Parliamentary Association (CPA) memberikan impak positif dan signifikan, mencerminkan negara berada dalam landasan yang betul ke arah menepati aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa tempoh 30 tahun pada 2035 menandakan kemunculan generasi baharu negara.

Generasi baharu wawasan bersama generasi sekarang sebagai pemangkin pada masa ini

yang dikenali sebagai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kualiti kehidupan mereka adalah kehidupan yang berkualiti tinggi dan negara mereka Negara Brunei Darussalam, ekonominya adalah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Mulai tahun 2035, kedua-dua generasi ini akan *menjelamai* Brunei dalam ekosistem pendidikan negara yang Islami yang hasilnya menjadikan mereka individu Islam yang mampu berkehidupan sebagai sebahagian rakyat dan penduduk yang mampu menunaikan fardu ain mereka.

Perkara tersebut antara lain dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dalam usul penangguhan pada hari

keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, sifat dan bentuk negara generasi ini adalah negara Melayu Islam Beraja (MIB). Beraja dalam maksud pemerintahannya, pemerintahan beraja iaitu negara yang merdeka, berdaulat dan demokratik, bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan dan sebagaimana yang dititahkan dalam watakah permaisuri pada 1 Januari 1984.

Demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan dalam kalangan antarabangsa atas asas saling menghormati terhadap kemerdekaan, perdaulatan, persamaan dan keutuhan, kukuh wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Jelas Yang Berhormat lagi, generasi pemangkin sekarang, adalah generasi penerus yang juga terdidik dalam satu sistem pendidikan negara Melayu, negara khususnya Sistem Pendidikan Kebangsaan Abad Ke-21 yang mewajibkan mata pelajaran agama sebagai mata pelajaran teras, selain pendidikan melalui persekolahan agama dan melalui Institusi Pengajian Tinggi Islam kerana *kitab* bermazhabkan pendapat bahawa pendidikan itu adalah acuan untuk generasi demi generasi.

Menurut Yang Berhormat lagi, mereka adalah generasi rakyat dan penduduk yang mengenal dan menghormati nilai-nilai murni ajaran Islam. Mereka bangsa negara MIB yang berada dalam arus perdana keagamaan negara MIB iaitu yang berfahaman dan mengamalkan Islam yang diajarkan di sekolah-sekolah negara ini, diamalkan dalam rumah



tangga dan masyarakat di masjid-masjid, ajaran dan amalan yang sama didakwahkan dan disiarkan menjadi ikutan di peringkat rasmi dan negara.

Usul penangguhan yang diutarakan oleh Yang Berhormat tersebut telah disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Beriltizam mencapai Wawasan Brunei 2035

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman ketika membahaskan usul penangguhan antara lain menjelaskan dalam mesyuarat kedua tersebut telah banyak memfokus kepada isu-isu Wawasan Brunei 2035.

Menurut Yang Berhormat, majlis sebulat suara menyokong Usul Wawasan Brunei 2035 kerana wawasan ini merupakan masa hadapan yang ingin dikecapi. Oleh itu, Ahli-ahli MMN mengambil berat akan

perbincangan tentang Wawasan Brunei 2035 kerana semua mahu melihat ia dicapai menjelang tahun 2035.

Tambah Yang Berhormat, dengan adanya usaha dan iltizam senegara berpandukan kepada *blueprint-blueprint* yang telah dihasilkan dengan penglibatan semua *stakeholders* kita akan mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Kaola amat menghargai usaha yang telah dibuat sejak bermulanya Wawasan Brunei 2035 dilancar dan pelaksanaannya yang telah dibuat dan dicapai secara *incremental* dan berperingkat. Tanpa usaha

gigih, cekal, sabar, tabah dan dibuat secara berterusan mungkin kita tidak akan dapat menghasilkan ketiga *blueprints* seperti yang diguna pakai pada masa ini," jelas Yang Berhormat pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, sekarang adalah masanya untuk kita mengenal pasti di mana sudah pencapaian kita untuk menambah baik mana-mana yang kurang memberi nilai tambah apa

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

yang sudah berjalan, memastikan tidak ada rintangan yang boleh melemahkan ataupun *undermine* usaha menuju ke Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat juga menghargai sumbangan Yang Berhormat Ahli-ahli yang dilantik dalam menambah nilai kepada pelaksanaan rancangan seperti dalam *blueprint*. Di samping perbincangan yang bernas dan menyambut baik respons positif daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang telah menerima pandangan dan cadangan Yang Berhormat Ahli-ahli yang dilantik secara terbuka dan rela hati. Tujuannya semata-mata untuk sama-sama meneliti apa jua perancangan yang sedang dan akan dilakukan agar pelaksanaannya mencapai matlamatnya.

Jelas Yang Berhormat lagi, selaku Ahli MMN yang dilantik adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk membawa



keperhatian mana-mana pihak yang berkenaan dalam kerajaan, apa jua isu kemaslahatan dan kebimbangan rakyat dan golongan-golongan terkecas seperti pengusaha, peniaga, para profesional, pelabur, ibu bapa dan pelajar malah warga perkhidmatan awam sendiri agar perkara-perkara itu dapat diambil tindakan yang sewajarnya. Perkara tersebut selaras dengan pendekatan Whole of Nation di mana *inclusivity* adalah kriteria utama.

Di samping itu, Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa isu-isu yang ditimbulkan adalah hasil dari turun padang kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkenaan.

Semoga mana-mana perkara yang diketengahkan dalam persidangan berkenaan dan sesi-sesi muzakarah akan dapat dipertimbangkan, tambah Yang Berhormat lagi.

ANTARA yang hadir pada pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.



MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



3 'BLUEPRINT' PENGGERAK WAWASAN BRUNEI 2035

BANDAR SERI BEGAWAN, melalui pelaksanaan tiga Khamis, 7 Ogos. - Wawasan *blueprint* iaitu Manpower Brunei 2035 kini digerakkan Blueprint, Social Blueprint dan

Economic Blueprint.

Perbincangan Usul Wawasan ini berlangsung secara telus dengan mengemukakan cadangan yang membina. Kaola rumuskan berdasarkan kemajuan, cabaran dan keperluan strategik dalam memenuhi tiga matlamat utama wawasan tersebut.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dalam rumusan Usul Wawasan Brunei 2035 hari ini menyatakan, jelas terserlah satu iltizam bersama dalam kalangan kita semua untuk memastikan Wawasan Brunei 2035 tidak sebagai aspirasi dasar semata-mata tetapi direalisasikan sebagai satu kenyataan yang benar-benar dapat dirasai dan dinikmati oleh seluruh rakyat secara inklusif, saksama dan mampan dalam kehidupan seharian.

Pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi, Yang Berhormat berkata, Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu strategik yang menyentuh pelbagai aspek utama pembangunan negara, termasuk kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam tadbir urus; penyelarasan dasar merentas sektor dan agensi; peningkatan kualiti dan kesiapsiagaan modal insan; pemerkasaan institusi kekeluargaan dan sosial; jaminan pembangunan yang adil, inklusif dan berpaksikan rakyat; pengukuhan keselamatan, kestabilan dan keamanan negara; dasar dan hubungan luar negara yang berprinsip dan membawa kepada kepentingan negara serta kerjasama, keamanan dan kemakmuran bersama; dan transformasi struktur ekonomi ke arah pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mampan, berdaya saing dan kukuh berasaskan kesejahteraan masyarakat.

"Dewan ini juga menekankan kepentingan penghayatan dan pelaksanaan secara bersepadu tiga *blueprint*, iaitu Manpower Blueprint, Social Blueprint dan Economic Blueprint. Ketiga-tiga *blueprint* ini perlu dilihat sebagai saling melengkapi antara satu sama lain demi mencapai matlamat yang holistik dan mampan.

"Sehubungan itu, pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation bukannya satu pilihan, sebaliknya suatu keperluan dan keutamaan bagi memastikan dasar yang digubal benar-benar diterjemahkan kepada hasil yang konkrit dan memberikan manfaat yang nyata dan impak besar kepada rakyat dan negara," ujar Yang Berhormat.

Dalam usul tersebut, Yang Berhormat seterusnya menyatakan daripada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Awal Tahun Masihi 2025, baginda menegaskan bahawa "...*mengekalkan perpaduan adalah penting kerana perpaduan merupakan kunci pembangunan, di mana setiap lapisan masyarakat jika kekal bersatu, hidup harmoni, saling hormat-menghormati dan bekerjasama, maka segala cabaran akan dapat ditangani dengan baik. Ditambah lagi dengan pegangan agama yang kuat, akan memastikan Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang aman, makmur dan kekal merdeka lagi berdaulat*".

Melalui kurnia titah baginda ini, Yang Berhormat berkata bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa perpaduan kebangsaan dan pegangan agama yang kukuh merupakan teras kepada kestabilan, keamanan kedaulatan negara. Dalam konteks pembinaan negara, nilai-nilai seperti hormat-menghormati, keharmonian sosial dan kerjasama antara masyarakat dan agama adalah elemen penting yang perlu dipelihara dan diperkukuh.

Selaras dengan itu, tambah Yang Berhormat, penglibatan aktif semua pihak dan lapisan masyarakat, sama ada di peringkat kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, masyarakat mahupun individu seperti para belia, wanita, usahawan, adalah amat penting. Kesedaran bahawa setiap individu mempunyai peranan tersendiri dalam pembangunan negara perlu ditanam dan dibudayakan secara meluas.

Ujar Yang Berhormat, maka usaha menyemai semangat tanggungjawab kolektif terhadap Wawasan Brunei 2035 harus diperhebatkan. Wawasan ini bukan sekadar dokumen dasar tetapi merupakan hasrat kebangsaan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang berilmu, berdaya saing dan beridentiti kebangsaan yang utuh. Justeru, semua pihak harus tampil sebagai pemacu dan pelaksana, bukan hanya sebagai penerima manfaat.

Menurut Yang Berhormat lagi, antara aspek penting

termasuk pengukuhan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan kerjasama industri agar lebih sejajar dengan keperluan pasaran kerja dan mewujudkan budaya pembelajaran sepanjang hayat melalui platform yang fleksibel dan inklusif.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, penekanan terhadap pembangunan kemahiran abad ke-21, termasuk literasi digital, kreativiti, pemikiran kritikal dan keusahawanan serta penyediaan satu skim insentif kepada majikan dalam memberikan latihan secara berterusan kepada pelajar dan graduan.

Dalam menangani menangani ketidaksepadanan kemahiran, menurut Yang Berhormat, perbincangan menyarankan agar penelitian semula sistem pendidikan secara berterusan bagi menilai keberkesanan kurikulum dan latihan; penyelarasan berstruktur antara institusi pendidikan, industri, agensi kerajaan dan pengawal selia serta pepadanan kerja lebih efektif melalui platform kerjaya kebangsaan dan pengukuhan skim perantisan dan latihan industri.

"Tumpuan juga diberikan kepada penyediaan data ramalan pasaran buruh secara *data-driven* bagi memandu institusi pengajian tinggi dalam menentukan keutamaan kursus dan memperkasa pemilihan kerjaya pelajar.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

"Semua ini bertujuan untuk melahirkan rakyat yang berpengetahuan tinggi, kompeten, adaptif dan berdaya saing, selaras dengan pembangunan modal insan yang dinamik, berfokus, berkebolehpasaran selaras dengan keperluan negara dan bersiaga menghadapi masa depan, sekali gus memenuhi keperluan industri yang sentiasa berkembang," kata Yang Berhormat lagi.

Dukung aspirasi wujudkan masyarakat mandiri, inklusif, saksama, berdaya tahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan berhubung Matlamat Kedua iaitu Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi, yang dipacu melalui Social Blueprint dan diterajui oleh JPM bersama Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Yang Berhormat berkata, perbincangan menekankan terhadap asas kepada kualiti hidup rakyat yang tinggi bertitik tolak daripada masyarakat yang inklusif, institusi kekeluargaan yang kukuh dan sistem dukungan sosial yang mampan.

Menurut Yang Berhormat lagi, antara aspek penting

yang diketengahkan ialah pemerkasaan institusi keluarga sebagai unit asas masyarakat melalui sokongan keluarga, penerapan nilai-nilai kekeluargaan serta keseimbangan kerja dan keluarga (*work-family balance*) dan pengukuhan jaringan keselamatan sosial dengan pendekatan bersasar bagi mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan secara berterusan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan mengenai penambahbaikan dasar bantuan kebajikan dicadangkan melalui integrasi nilai berdikari, semangat *berkariah* dan penghayatan nilai agama dan galakan penyertaan penerima bantuan dalam aktiviti ekonomi dan komuniti, bagi membina rakyat yang mandiri dan bertanggungjawab.

Tambah Yang Berhormat, langkah-langkah lain ke arah kesejahteraan rakyat termasuk usaha bersepadu dalam membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang sosioekonomi; penyediaan

perkhidmatan sosial dan kemudahan asas yang inklusif, terutama di kawasan luar bandar dan pemerkasaan kesihatan awam dan kesejahteraan mental sebagai sebahagian daripada agenda sosial.

Perbincangan juga menggariskan keselamatan, kestabilan dan keamanan negara adalah prasyarat dan asas utama kejayaan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035.

Ini, terang Yang Berhormat, termasuk pemerkasaan kesiapsiagaan agensi penguatkuasaan; kerjasama rentas agensi dan kesedaran awam terhadap pematuan undang-undang dan dasar luar negara yang proaktif dalam menjamin kedaulatan, memupuk persefahaman serantau dan menjalin hubungan strategik antarabangsa.

Kesemua pendekatan tersebut, jelas Yang Berhormat, mendukung aspirasi untuk mewujudkan masyarakat yang mandiri, inklusif, saksama dan berdaya tahan, sepertimana yang digariskan dalam Social Blueprint.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PELAKSANAAN KONSEP BEBAS CUKAI BELUM SESUAI DILAKSANAKAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan seperti di negara-negara lain, insentif bebas cukai ini lazimnya diberikan kepada barangan atau

"SEPERTI yang sedia maklum, pada masa ini, cukai secara tidak langsung (*indirect tax*) yang ada dikenakan ke atas entiti-entiti perniagaan di negara ini hanya merangkumi duti setem, cukai eksais / kastam dan cukai bangunan. Manakala GST atau VAT belum ada dikenakan di negara ini. Sehubungan itu, pelaksanaan konsep bebas cukai seperti ini mungkin belum sesuai untuk dilaksanakan buat masa ini".

perkhidmatan yang ada dikenakan Goods and Services Tax (GST) atau Value-Added Tax (VAT) atau Sales Tax.

Tujuan utama pelaksanaan bebas cukai, kongsi Yang Berhormat lagi, adalah untuk mengurangkan beban kos kepada kumpulan sasaran tertentu, khususnya golongan berpendapatan rendah atau kurang berkemampuan dan sektor yang sensitif dari segi sosioekonomi seperti kesihatan dan pendidikan.

Selain itu, terang Yang Berhormat, ia turut berperanan sebagai kaedah pengecualian cukai kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara tersebut bagi menggalakkan perbelanjaan dan merangsang pertumbuhan ekonomi domestik.

"Seperti yang sedia maklum, pada masa ini, cukai secara tidak langsung (*indirect tax*) yang ada dikenakan ke atas entiti-entiti perniagaan di negara ini hanya merangkumi duti setem, cukai

eksais / kastam dan cukai bangunan.

"Manakala GST atau VAT belum ada dikenakan di negara ini. Sehubungan itu, pelaksanaan konsep bebas cukai seperti ini mungkin belum sesuai untuk dilaksanakan buat masa ini," jelas Yang Berhormat semasa menjawab pertanyaan lisan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai pelaksanaan 'Bulan Bebas Cukai' pada musim cuti dan bonus bulan Disember sehingga Januari.

Pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Yang Berhormat seterusnya menyatakan walau bagaimanapun, sepertimana yang kita sedia maklum, pihak kerajaan telah pun melaksanakan beberapa inisiatif-



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

inisiatif lain bagi menggalakkan aktiviti membeli-belah di negara ini, di samping jua untuk membantu mengurangkan bebanan kos kepada rakyat.

Ini tambah Yang Berhormat, termasuk antaranya dengan mengadakan jualan besar-besaran atau 'Salebration' pada musim-musim tertentu, dengan kerjasama entiti-entiti perniagaan yang menawarkan potongan harga barangan yang menarik.

Kongsi inisiatif bagi memperhebat pelancongan domestik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin mengongsikan antara inisiatif untuk memperhebat pelancongan domestik ialah penjenamaan semula Kenali Negara Kitani (KNK) dengan lebih 50 pakej

budaya, alam semula jadi dan pelayaran sungai bagi memacu pelancongan domestik.

Ini tambah Yang Berhormat, kebanyakannya melibatkan pelancongan berteraskan komuniti, pendidikan, alam sekitar dan juga pengembaraan. Apa yang membanggakan di dalam program KNK ini ialah banyak penglibatan anak-anak kampung melalui Majlis Perundingan Kampung (MPK) atau Majlis Perundingan Mukim (MPM).

"Kementerian juga seperti tahun-tahun lepas mengungkapkahkan lagi inisiatif Brunei Gastronomy Festival, di mana festival ini memberi kesempatan syarikat-syarikat penyaji makanan dan restoran

untuk mempromosikan beraneka jenis makanan terutamanya makanan Brunei.

"Inisiatif Brunei December Festival yang diungkapkan setiap tahun dengan penyediaan promosi-promosi khas pakej-pakej pelancongan adalah disasarkan bukan saja untuk pelancongan luar negeri malah juga untuk pelancong domestik bagi menggalakkan mereka melancong dalam negeri dan menghayati keindahan dalam negeri ini," terang Yang Berhormat semasa menjawab pertanyaan jawab lisan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Jelas Yang Berhormat, pihak kementerian melihat tahun 2026-2027 sebagai tempoh penting dan bersejarah untuk negara bersempena Sambutan Hari Keputeraan Ke-80 dan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, kementerian sedang merangka pelan bersepadu untuk menjadikan tempoh ini sebagai pemangkin transformasi sektor pelancongan nasional.

Ada beberapa inisiatif yang dikira *impactful* yang sedang dipertimbangkan oleh Jabatan

Kemajuan Pelancongan. Kongsi Yang Berhormat, inisiatif-inisiatif ini yang akan menjadi platform strategik bagi memperkukuh jenama Brunei sebagai destinasi pelancongan eksklusif, lestari dan berbudaya tinggi; Menonjolkan identiti kebangsaan dan kejayaan negara dan memacu pelancongan domestik dan antarabangsa secara inklusif dan mampan.

Dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif perkembangan pelancongan, jelas Yang Berhormat, tindakan telah disusun secara saling melengkapi, dengan memfokuskan kepada perancangan awal dan penyelarasan antara agensi melalui jawatankuasa pandu dan teknikal; Pelaksanaan program seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ahli MMN seperti pertandingan *jingle* / slogan kebangsaan, pembangunan pakej pelancongan domestik berbundel dan penglibatan MSME serta masyarakat akar umbi; Pelaksanaan acara utama seperti Brunei December Festival, Brunei Gastronomy Festival dan MYCE untuk merancakkan ekonomi tempatan serta kerjasama dengan rakan industri dalam dan luar negara, termasuk agensi pelancongan, syarikat penerbitan, media dan pempengaruh.

"Kementerian juga turut membantu pengusaha dengan menyediakan platform promosi percuma dalam pelbagai bentuk, termasuk dalam media cetak, digital dan *fam trips*, bukan sahaja untuk ejen tetapi juga sepanjang rantaian nilai pelancongan. Pendekatan ini selaras dengan prinsip Whole of Nation dan matlamat Wawasan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Brunei 2035, iaitu memastikan manfaat pelancongan bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan tetapi juga memperkukuh perpaduan masyarakat dan kebanggaan negara," ujar Yang Berhormat.

Dengan perancangan yang teliti dan sokongan padu daripada semua pihak, Yang Berhormat menyatakan, inisiatif-inisiatif perkembangan pelancongan bukan sahaja akan menjadi pemangkin kepada transformasi sektor pelancongan, malah turut berfungsi sebagai platform strategik untuk mengetengahkan pencapaian dan kemajuan pelbagai sektor di negara ini.

Ia juga merupakan peluang emas untuk memanfaatkan potensi ekonomi melalui pelbagai program seperti jualan cenderamata tempatan, penganjuran acara berskala besar dan aktiviti komersial lain yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan perusahaan tempatan serta kebanggaan negara.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin (kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir ke mesyuarat tersebut.



MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



5 TERAS UTAMA SOKONG MATLAMAT WAWASAN BRUNEI 2035



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Mesyuarat

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis menyatakan penghargaan dan mengambil maklum terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli MMN.

Menurut Yang Berhormat, banyak isu yang telah diketengahkan menyentuh pelbagai aspek yang penting dan

sebahagian besarnya telahpun diberikan penjelasan terperinci oleh rakan-rakan sejawat beliau. Namun demikian, beliau menekankan terdapat lima perkara penting yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli MMN yang kesemuanya berkait rapat dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Kaola menyambut baik perkara-perkara ini," ujar Yang Berhormat, sambil merumuskan kelima-lima perkara tersebut seperti berikut:

Pertama, mengenai usaha kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui pemantapan pelan strategik seperti yang digariskan dalam Brunei Darussalam Economic Blueprint.

Kedua, penekanan terhadap

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

transformasi digital yang bertujuan membentuk ekonomi yang lebih dinamik, kompetitif serta mesra rakyat dan penduduk.

Ketiga, keperluan untuk menangani defisit fiskal kerajaan secara serius, dengan menumpukan usaha ke arah mengimbangi kedudukan fiskal negara. Ini turut merangkumi pengurusan penyediaan dan penggunaan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Keempat, langkah-langkah bagi mempertingkatkan ekosistem perniagaan supaya lebih kondusif dan mesra

pelanggan (*business-friendly*), sejajar dengan aspirasi untuk menarik lebih banyak pelaburan serta menggalakkan pertumbuhan sektor swasta.

Kelima, penekanan kepada usaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta merangsang pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh.

Yang Berhormat menegaskan bahawa kelima-lima perkara ini adalah penting dalam memastikan hala tuju negara selaras dengan visi dan matlamat Wawasan Brunei 2035 ke arah sebuah negara yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan mempunyai taraf kehidupan yang berkualiti.

Langkah proaktif kerajaan tangani ketidakpadanan pekerjaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pagi tadi menyaksikan penyampaian ulasan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, antara lain menyentuh isu ketidakpadanan pekerjaan atau *mismatch* yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan

Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Dalam ulasan tersebut, Yang Berhormat mengongsikan bahawa bagi menangani isu ketidakpadanan antara kemahiran graduan dan keperluan industri, kerajaan melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) di bawah JPM telah bekerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan dalam memastikan bidang-bidang kemahiran yang diperlukan serta relevan dengan *emerging technologies* seperti Kecerdasan Buatan (AI), Sains Data dan Teknologi Hijau dapat diterapkan ke dalam sistem pendidikan negara.

Sebagai contoh, ujar Yang

Berhormat, pengemaskinian kurikulum melalui pengenalan modul Data Analytics dan Machine Learning telah pun dilaksanakan di institusi-institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD), sebagai sebahagian daripada usaha kita dalam melahirkan anak-anak tempatan yang bersedia untuk mengisi peluang pekerjaan masa hadapan, sejajar dengan keperluan industri.

Bagi bidang pengajian yang belum ditawarkan di dalam negara tambah Yang Berhormat, kerajaan turut menyediakan kemudahan melalui Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri serta Skim Bantuan Pinjaman

Pendidikan Kerajaan, sebagai platform untuk membekalkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang yang strategik.

Perancangan ini menurut Yang Berhormat lagi, adalah sejajar dengan usaha kerajaan dalam menyokong perkembangan sektor-sektor utama yang telah dikenal pasti di bawah Brunei Economic Blueprint, sekali gus memastikan wujudnya keseimbangan antara permintaan industri dan ketersediaan tenaga kerja tempatan yang berdaya saing.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menyentuh mengenai pelaksanaan Gaji Minima, satu lagi inisiatif kerajaan yang memperlihatkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kebajikan rakyat dan penduduk negara ini.

"Pelaksanaan Gaji Minima secara berperingkat telah pun dikuatkuasakan pada 12 Julai 2023 dan seterusnya pada 1 April 2025 bagi sektor-sektor tertentu, dan langkah ini telah memberikan kesan positif terhadap kualiti hidup rakyat, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, kerajaan akan terus komited dalam memantau serta memperkukuhkan lagi taraf kehidupan rakyat dan penduduk melalui pelbagai inisiatif berterusan seumpamanya demi merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035.



DALAM ulasan tersebut, Yang Berhormat mengongsikan bahawa bagi menangani isu ketidakpadanan antara kemahiran graduan dan keperluan industri, kerajaan melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) di bawah JPM telah bekerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan dalam memastikan bidang-bidang kemahiran yang diperlukan serta relevan dengan *emerging technologies* seperti Kecerdasan Buatan (AI), Sains Data dan Teknologi Hijau dapat diterapkan ke dalam sistem pendidikan negara.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PELAKSANAAN STRATEGI, PERUBAHAN DASAR PERLU DIUNGKAYAHKAN, DISEJAJARKAN



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Kunci kepada ke arah mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035 ialah jangka masa tindakan dan tataraca pelaksanaannya yang memerlukan rangka strategi dan perubahan dasar yang memerlukan pendekatan Whole of Nation.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin berpendapat bahawa pelaksanaan strategi dan perubahan dasar perlu diungkayahkan dan disejajarkan bukan saja daripada pihak kerajaan sahaja tetapi juga mengambil kira suara-suara dan pandangan mengenai isu-isu dan keperluan dari akar umbi dan rakyat.

Tataraca memudahkan cara daripada pihak kerajaan melalui

sesetengah kementerian dan jabatan yang berkaitan juga perlu diperbaiki untuk memastikan urusan-urusan sektor swasta akan berjalan dengan lancar dan cepat dalam sama-sama berusaha untuk pembangunan negara dan pertumbuhan ekonomi. Sektor swasta adalah merupakan sebahagian daripada enjin kepada pertumbuhan ekonomi di samping sektor awam. Jika elemen enjin swasta terjejas, akan terjejaslah jua keseluruhan enjin dan perjalanan mengorak langkah pun juga akan terjejas.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan ucapan penangguhannya pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa dalam kitani melaksanakan semua perancangan-perancangan yang terkandung dalam blueprint, kitani juga perlu sama-sama beringat untuk tidak terlepas pandang untuk mengambil tindakan kepada perkara-perkara kecil yang kitani tidak nampak atau perkara-perkara yang kitani pandang hanya masalah kecil sebagai cabaran masa ini yang kaola percaya adalah punca ia akan menjadi besar jika tidak diambil kira dalam tindakan-tindakan kitani.

"Kaola ambil contoh rumah-rumah di kawasan Perancangan Perumahan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

Negara yang dibuat oleh kontraktor yang tidak berlesen, freelancers yang kebanyakannya terdiri daripada warga asing. Aktiviti ini, kita memang nampak sebelum ini dan sehingga kini masih menjadi-jadi.

"Ini bukan sahaja memberi impak kepada tahap keselamatan pemilik-pemilik rumah berkenaan iaitu kalangan rakyat kita, malah ia menjejaskan pertumbuhan ekonomi dalam sektor pembangunan atau kemajuan, di mana kontraktor yang berdaftar dengan menggunakan khidmat pakar yang menjaga keselamatan dan kekukuhan bangunan kurang dipakai khidmat mereka.

"Kaola percaya dengan adanya kawalan rapi atau penghentian aktiviti ini dan dengan adanya peraturan dan penalti ketat bagi kontraktor tidak berdaftar ini akan mengurangkan aktiviti warga asing yang berleluasa dan memberi peluang terbuka kepada kontraktor berdaftar tempatan yang ada. Ini kaola ambil contoh sebagai contoh yang benar-benar berlaku dan kaola percaya lebih banyak lagi perkara yang kitani tidak nampak pada masa ini yang muncul akan datang," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 Kali Pertama bagi Tahun 2023, yang mana baginda antara lain bertitah bahawa Wawasan Brunei 2035 adalah merupakan aspirasi baginda sendiri bagi melihat pembangunan negara berjalan lancar. Baginda juga memahami bahawa dalam keadaan dunia sangat sukar diramal, Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali daripada menghadapi kesan-kesan global seperti konflik geopolitik, penularan wabak Coronavirus dan situasi ekonomi tidak menentu.

Titah baginda ini, tambahnya, sudah setentunya memaksa kita untuk berfikir lebih fokus kepada pemeriksaan dasar dan kemampuan. Baginda menyeru pentingnya Wawasan Brunei 2035 diberikan perhatian sewajarnya dalam kita mengharungi cabaran-cabaran sukar yang dibawa oleh arus perubahan masa yang sangat pesat dengan lebih fokus kepada pencapaian matlamat-matlamat yang dirancang. Baginda menasihati bahawa kita tidak mahu Wawasan Brunei 2035 hanya tinggal retorik sahaja sebagai satu angan-angan kosong tetapi kita mahu ia mesti direalisasikan sepenuhnya sebagai agenda utama pembangunan negara. Harapan baginda dengan adanya ketiga blueprint, negara akan dapat mentransformasikan tindakan

termasuk penyediaan dengan keperluan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara. Wawasan Brunei 2035 adalah merupakan harapan tinggi rakyat dan penduduk negara ini untuk melihat tindakan-tindakan yang diambil akan lebih fokus kepada kepentingan rakyat, people-centered.

Terdahulu, Yang Berhormat menyentuh mengenai fokus pada kali ini iaitu pertama, strategi dan dasar ke arah penjimatan perbelanjaan kerajaan. Kedua, langkah-langkah dan inisiatif ke arah menaikkan lagi hasil pendapatan negara. Ketiga, menyampaikan kemaslahatan pengusaha-pengusaha termasuk golongan belia untuk memastikan urusan-urusan untuk mengusahakan business adalah diterima dalam sama-sama mendukung usaha mempertingkatkan lagi ekonomi negara termasuk memacu perusahaan-perusahaan dan perniagaan, mempelbagaikan ekonomi negara supaya kita tidak bergantung kepada hasil minyak dan gas; dan terakhir, memperkenalkan isu-isu semasa yang melibatkan kepada perekonomian negara, golongan belia, pemacu kesinambungan agenda negara dan kesejahteraan rakyat.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat juga berharap agar segala usaha kita ini akan menjadi sebahagian daripada sumbangan kecil tetapi bermakna ke arah kemajuan rakyat dan negara yang diberkati serta terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah majlis yang progresif, profesional dan berlandaskan amanah.

Langkah penambahbaikan proses permohonan skim bantuan kebajikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Beberapa perkara yang menyentuh isu-isu rakyat yang memerlukan perhatian sewajarnya turut disentuh pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai, salah satu perkara yang sering dibangkitkan ialah berkenaan dengan permohonan skim bantuan kebajikan, khususnya kepada golongan asnaf.

Proses permohonan yang sedia ada masih dianggap lambat dan membebankan, terutama apabila pemohon terpaksa mengulangi pengisian

borang walaupun data mereka telah tersedia dalam sistem.

Oleh yang demikian, ke arah penambahbaikan, Yang Berhormat dalam ucapan penangguhannya mencadangkan beberapa langkah yang boleh dipertimbangkan, antaranya ialah pengenalan Kad Keahlian Skim Kebajikan Negara (SKN). Pemohon yang telah berdaftar boleh diberikan kad keahlian yang mengandungi maklumat asas mereka, sekali gus memudahkan proses pengesahan identiti dan rekod permohonan terdahulu.

Kedua, tambah Yang Berhormat, Sistem Digital Bersepadu dan Mesra Pengguna. Naik taraf sistem permohonan bantuan ke arah platform digital yang lebih efisien dan mesra pengguna, dengan kemudahan auto-fill untuk data sedia ada serta pengemaskinian maklumat

secara berkala.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai tempoh pembaharuan awal di mana pembaharuan permohonan boleh dibuka seawal tiga bulan sebelum bantuan tamat, supaya pemprosesan dapat dilakukan lebih awal tanpa mengganggu kesinambungan bantuan kepada penerima.

Selain itu, Yang Berhormat juga mencadangkan pemantauan dan penilaian berkala iaitu wujudkan pasukan pemantau khas bagi menilai keberkesanan proses permohonan dan mengenal pasti sebarang kelewatan atau halangan di peringkat pelaksanaan serta Khidmat Sokongan dan Bantuan Pengguna iaitu penyediaan saluran komunikasi seperti talian khas atau pusat khidmat pelanggan bagi membantu pemohon yang mengalami kesulitan ketika mengisi

permohonan secara dalam talian.

Menurut Yang Berhormat lagi, program-program bimbingan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan dan penerima bantuan kebajikan wajar sentiasa ditambah baik dari segi keberkesanannya. Ini penting agar mereka bukan sahaja bergantung kepada bantuan semata-mata, tetapi mampu mencapai kejayaan yang berkekalan dan berdikari dalam jangka panjang.

Antara program yang boleh dipertimbangkan ialah program keusahawanan sosial; latihan kemahiran dan vokasional; program literasi kewangan dan mentor rakan sebaya; program transformasi kehidupan; program penempatan pekerjaan bersasar dan inisiatif 'Graduasi dari Bantuan' iaitu satu sistem di mana penerima bantuan dipandu secara



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

berperingkat untuk keluar daripada bergantung bantuan, dengan penilaian berkala terhadap kemajuan mereka. Sesungguhnya, usaha-usaha seperti ini adalah sejajar dengan aspirasi utama Social Blueprint Negara Brunei Darussalam, iaitu ke arah mewujudkan rakyat yang mandiri, berdaya tahan dan siap siaga masa depan serta mampu keluar daripada bergantung kepada bantuan semata-mata.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KUKUHKAN PENYEJAJARAN, KOORDINASI AGENSI BERKEPENTINGAN DALAM MENCAPAI AGENDA PEMBANGUNAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Agenda Pembangunan adalah sangat relevan dan penting kerana kerana ia bukan sahaja berkait langsung dengan aspirasi dan hala tuju negara malahan bertindak sebagai asas kestabilan politik, sosioekonomi, kemakmuran, kesejahteraan dan keselamatan negara dan rakyat serta penduduk di dalam.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menekankan demikian pada ucapan penangguhan bagi Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

"Jika diamat-amati daripada hasil perbincangan kita selama empat hari ini yang berkisar mengenai pelaksanaan wawasan ini jelas menunjukkan bahawa kita tidaklah ketandusan dalam menzahirkan cadangan-cadangan dan idea-idea baharu bernas dan membina, strategik lagi positif berasaskan situasi semasa negara dan perkembangan geopolitik dan sosioekonomi global.

"Kita juga secara spesifik dan terbuka cuba mengupas secara *detailed* elemen-elemen penting yang terdapat dalam tiga *blueprints* yang telah digubal termasuk dalam mengetengahkan maklum balas dari rakyat dan penduduk. Di samping itu, kita turut juga memberikan cadangan bagi way

forward pada membantu menangani isu-isu semasa yang ditimbulkan. Sebagai nilai tambah, kita juga telah mencadangkan beberapa langkah-langkah strategik ke arah meningkatkan *effectiveness* sistem pelaksanaan, pemantauan dan penelitian semula beberapa aspek yang terdapat dalam wawasan ini agar ia *result-oriented*," ujar Yang Berhormat.

Oleh itu, Yang Berhormat menghargai bahawa banyak usaha inisiatif yang telah, sedang dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam mencapai wawasan ini setakat ini. Begitu juga kita mengakui akan pentingnya untuk mengukuhkan penyelarasan, koordinasi dan integrasi agensi-agensi yang berkepentingan supaya pelaksanaannya dengan lebih cepat dan terarah bagi menghasilkan impak yang besar, luas dan menyeluruh.

Yang Berhormat berkata, ia juga bagi mengelakkan pertindihan bidang tugas dan pembaziran sumber. Kita juga menyedari bahawa salah satu perkara utama ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035 ialah kesepaduan, kesepakatan dan komitmen tinggi kita semua selaku rakyat dan penduduk negara ini dalam menyokong dan menterjemahkan idea-idea ini untuk menjadi satu realiti yang akan dapat mencetuskan impak positif yang signifikan.

Menurut Yang Berhormat, apa yang penting ialah penglibatan rakyat di semua peringkat ke arah mencapai matlamat yang

termaktub dalam wawasan ini menurut peranan dan kemampuan masing-masing.

Ke arah itu, Yang Berhormat seterusnya mencadangkan supaya isu-isu dan saranan-saranan yang membina dalam perbincangan kita ini akan diteliti secara mendalam kesesuaiannya. Mana-mana dasar, peraturan, program yang dapat membuahkan hasil yang segera, iaitu *low-hanging fruits* akan dilaksanakan secepat mungkin agar faedahnya akan dapat dirasakan oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Manakala cadangan yang *viable* dan memerlukan penelitian lanjut jelasnya akan dianalisa kebolehlaksanaannya dan dilibatkan agensi-agensi yang berkepentingan bagi menghasilkan program projek yang *integrated*, kukuh dan mantap. Ini bagi memastikan pelaksanaannya akan berjalan lancar dan menurut sasaran yang telah ditetapkan.

"Alhamdulillah dalam Sesi Permesyuaratan Musim Ke-21 ini secara keseluruhan, dewan ini juga menyaksikan beberapa pengemaskinian dan pelaksanaan dasar-dasar baharu yang memberikan isyarat positif dan *impactful* ke arah kemajuan negara.

"Ia bukan sahaja menyuntik semangat jitu kepada masyarakat peniaga, pengusaha tempatan dan rakyat dan penduduk malahan ia akan juga menunjukkan kesungguhan ataupun *seriousness* dan komitmen negara dalam usaha menarik lagi Pelabur-pelabur Langsung Asing untuk berganding bahu dengan pengusaha tempatan bagi sama-sama mengaktifkan dan

merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi negara setanding dengan negara-negara di rantau ini," kata Yang Berhormat.

Dari itu, Yang Berhormat penuh percaya kesan positif dari hasil pengendalian dasar-dasar dan peraturan baru ini insyaaAllah akan memberikan kesan limpahan ataupun *spin-off* berganda kepada negara secara holistik. Ia dijangka akan membuka lebih lagi banyak peluang-peluang perniagaan tempatan yang sekali gus akan membantu meluaskan lagi asas pendapatan negara yang sedikit sebanyak akan meningkatkan dan mengukuhkan fiskal negara insyaaAllah.

Bukan itu sahaja, Yang Berhormat berharap maklum balas yang disampaikan oleh Ahli-ahli yang dilantik ini akan diterima secara positif, membina dengan fikiran terbuka (*open mind*) supaya apa juga dasar yang bakal digubal nanti akan lebih mantap, kukuh dan mendapat sokongan ataupun *buy-in* bagi semua peringkat rakyat dan penduduk negara ini sebagai pendekatan senegara.

"Yang pentingnya juga apa jua dasar dan peraturan baharu yang digubal dan dilaksanakan ini nanti akan difollow through di setiap peringkat pelaksanaan secara jelas dan telus bagi mengelakkan intepretasi yang berbeza yang boleh saja melambatkan proses," tambah Yang Berhormat

Seterusnya, usaha mempercepatkan proses melalui *business-ready* ini juga tambahnya diharap akan membantu memperbaiki ekosistem perniagaan negara supaya ia akan lebih kondusif, proaktif dan mesra perniagaan.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Ini juga diharap akan membuka lebih banyak peluang perniagaan, perusahaan memastikan dan sekali gus akan meluaskan lagi *economic pie* negara untuk dinikmati oleh semua rakyat dan penduduk di negara ini secara menyeluruh.

"Akhir sekali, kaola berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh kerabat diraja akan sentiasa sihat walafiat, dikurniakan nikmat lanjut usia, taufik dan hidayah, keberkatan dan kebahagiaan, perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala, kekal karar memerintah negara dengan petunjuk, inayah dan keredaan Allah dan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan berterusan dikurniakan kesejahteraan, rahmat dan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala mengecapi kehidupan dengan sentosa dan selesa," ucap Yang Berhormat.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan Belanjawan Negara berjumlah BND6.53 bilion pada Tahun Kewangan, bagi Tahun Kewangan 2025/2026 dengan tema 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat berterusan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beri sokongan padu kepada pengusaha tempatan

Sepanjang persidangan, banyak isu dan cabaran telah dikemukakan serta buah fikiran, pandangan dan cadangan dibentangkan merangkumi pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial dan teknologi. Antaranya kepentingan untuk bekerjasama merentas kementerian, sektor dan masyarakat agar dasar dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Ini menyerlahkan keperluan mendesak untuk pelaksanaan reformasi Perkhidmatan Awam dengan memfokuskan kepada hasil dan produktiviti penyelarasan sistem dan penilaian impak secara telus.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam menggariskan demikian semasa menyampaikan ucapan penangguhan Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Kata Yang Berhormat, dalam usaha menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), keutamaan sokongan padu dan memastikan tender-tender berkomplesiti rendah dan sederhana diberikan kepada pengusaha - pengusaha warganegara Brunei yang menjadi pemilik sah syarikat

dan yang mengendalikannya sendiri sepenuhnya.

"Dalam kesempatan ini, kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri serta warga kementerian atas kepimpinan dalam menjadikan produk tempatan daripada pengusaha PMKS sebagai cenderahati rasmi semasa Istiadat Mengadap dan Mengumikan Bintang-Bintang Kebesaran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 tahun baru-baru ini," ucapnya.

Pendekatan ini jelas Yang Berhormat, bukan sahaja mencerminkan sokongan yang konsisten terhadap perusahaan tempatan malah menjadi contoh terbaik bagaimana acara kenegaraan dapat dimanfaatkan untuk memperkukuh penjenamaan produk tempatan serta menyumbang secara langsung kepada peningkatan sosioekonomi pengusaha.

Kadar kebergantungan berterusan terhadap bantuan dalam kalangan individu berupaya bekerja dan peningkatan jenayah isu sosial menuntut tindakan bersepadu untuk menanganinya.

Dalam hal ini, pengukuhan dan

**Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohd. Sahrizal Haji Said**

penaiktarafan Sistem Kebajikan Negara katanya, bukan sekadar penyalur bantuan tetapi memperkasa penerima untuk berdikari dan pengukuhan Majlis Kebangsaan Isu Sosial sebagai penyelarasan utama Dasar Sosial Negara adalah sangat penting.

"Alhamdulillah, tidak dinafikan banyak usaha telah digerakkan oleh pihak kerajaan dan kaola percaya rakyat menghargai kesungguhan ini dan dalam masa yang sama mengharapkan agar perubahan dapat dirasakan dalam kehidupan seharian dalam bentuk peluang dan kemudahan yang lebih banyak serta keterlibatan mereka dalam pembangunan negara.

"Dengan iltizam berterusan dan bersatu hati, cabaran-cabaran diberikan perhatian sewajarnya demi menjamin perlindungan, kesejahteraan dan keadilan kepada semua lapisan masyarakat. Dokumen-dokumen *blueprint* yang sedia ada mencerminkan komitmen kerajaan. Kaola percaya Wawasan Brunei 2035 hanya dapat direalisasikan dengan semangat perpaduan budaya *delivery*, akauntabiliti dan integriti tinggi," kata Yang Berhormat lagi.

Oleh yang demikian, pendekatan Whole of Government dan Whole of

Nation juga tambah Yang Berhormat mesti diterapkan secara menyeluruh melalui koordinasi efektif, pelaksanaan cekap dan pengurangan birokrasi.

"Yang Berhormat Yang Dipertua. Kaola ingin mengulang kenyataan kaola semasa perbincangan wawasan tempoh hari bahawa bangsa Brunei cemerlang bukan sekadar cita-cita tetapi perlu dihidupkan sebagai agenda nasional. Kita adalah satu pasukan yang bersatu dengan integriti tinggi, mengamalkan budaya *delivery* dan akauntabiliti demi membina masa depan yang cemerlang, adil dan mampan," ujar Yang Berhormat.

Pada mengakhiri ucapan penangguhan itu, Yang Berhormat juga memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar melanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melimpahkan rahmat-Nya dan mengumikan kesihatan dan keafiatan kepada baginda serta seluruh kerabat diraja dan rakyat jelata. Semoga Negara Brunei Darussalam terus kekal aman, makmur dan mendapat berkat di dunia dan di akhirat.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



BERSATU MENCAPAI WAWASAN BRUNEI 2035



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Negara Brunei Darussalam bersyukur mempunyai anak-anak negerinya yang profesional dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh negara.

Justeru pelaksanaan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

memanglah dapat dipercayakan kepada mereka, selain ada input-input yang mungkin dapat didengar untuk bahan bagi penambahbaikan.

Perkara ini dikemukakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, pada hari ketiga Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Apa pun tahap-tahap pencapaian ke arah Wawasan

Brunei 2035 jelas Yang Berhormat, kita perlu bersatu dalam tiga perkara iaitu Kesetiaan kepada sultan dan negara; Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; dan Keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.

"Jadi maknanya, dalam kita mencapai wawasan, apa pun tetap yang kita capai ataupun cara yang berbagai-bagai menuju ke arah matlamat itu, kita mestilah menjaga tiga perkara ini yang inti patinya ialah untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman, kemantapan negara bagi kesejahteraan rakyat, kebahagiaan yang patut dan sentiasa akan disyukuri," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga turut menyentuh mengenai indeks kemiskinan yang belum ada di negara ini, selain turut

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Mohammad Hatral Hamzi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman

mempersoalkan apakah kita pada 2035 dapat mengatasi isu-isu yang dinamakan kemiskinan ataupun isu-isu orang yang masih berharap kepada bantuan kebajikan dan juga agihan zakat.

Yang Berhormat kemudian merujuk kepada penyata angka asnaf-asnaf yang tercatat di Jabatan Urusan Zakat dan Wakaf, angka yang tercatat pada 2025 ada sebanyak 13,667 orang yang menerima agihan, yang terdiri daripada 4,975 kepala keluarga, dan pada tahun 2009 jumlahnya ialah 17,025 orang dan ini bermakna sudah ada penurunan.

"Mudah-mudahan trend ini benar, dalam erti kata benarnya itu kerana diketahui ada lagi permohonan daripada tahun 2015

kepada tahun sekarang ini ada yang tertunggak," kata Yang Berhormat.

"Jadi *kitani* belum tahu lagi sejauh mana angka yang sebenar. Tapi yang penting di sini ialah memang diakui bahawa dalam mendukung matlamat untuk dalam bidang sosial, dalam bidang kebajikan dan sebagainya ini, maka sistem zakat dan wakaf perlu diperbaiki untuk digunakan sebaik-baiknya.

"Sistem tersebut bagi membantu orang-orang yang masih memerlukan bantuan atau memerlukan agihan pada masa *kitani* mencapai 2035 itu, masih terdapat jurang di antara yang berada dengan yang tidak berada," ujar Yang Berhormat.

Pembangunan infrastruktur negara mampan untuk kesejahteraan rakyat



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Kementerian Pembangunan berperanan menitikberatkan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan infrastruktur

YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

negara yang mampan, selamat, inklusif dan resilien.

Peranan Kementerian Pembangunan ini dizarhkan melalui penglibatan terhadap beberapa Petunjuk Prestasi Utama Negara di bawah Wawasan Brunei 2035. Antaranya ialah usaha berkenaan Kadar Pemilikan Rumah Rakyat di mana Kementerian Pembangunan berhasrat mencapai sasaran 85 peratus kadar pemilikan menjelang 2035.

Itulah yang dikemukakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid pada hari ketiga Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pembangunan, kadar terkini pemilikan rumah sehingga kini, berada pada tahap 68 peratus. Bagi mencapai sasaran 85 peratus seperti yang digariskan di bawah Wawasan Brunei 2035, Kementerian Pembangunan terus mempergiat usaha dalam

merancang dan melaksanakan projek-projek perumahan secara berfasa.

Antara inisiatif utama yang sedang dan telah dilaksanakan yang dikongsikan oleh Yang Berhormat adalah, pertama, penyiapan 1,000 unit rumah di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lugu (Fasa 1); kedua, projek 950 unit rumah di RPN Tanah Jambu (Fasa 7) yang kini dalam tahap 74 peratus siap.

Yang Berhormat mengongsikan bahawa di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 beberapa projek perumahan baharu akan dilaksanakan yang dijangka dapat menyediakan sekurang-kurangnya 1600 unit rumah.

Projek-projek tersebut ialah seperti berikut; RPN Kampung Lugu Fasa 2B seluas 86 hektar yang akan dibina sebanyak 576 unit rumah; RPN Kampung Rimba Fasa 6 seluas 26 hektar yang akan dibina sebanyak 330 unit rumah; RPN Kampung Salambigar seluas 32 hektar yang akan dibina sebanyak 300 unit rumah; dan RPN Kampung Lumut Fasa 7 seluas 50 hektar yang akan dibina sebanyak 400 buah rumah.

Kemudian, Yang Berhormat menjelaskan bagi RPN dalam perancangan Jabatan Kemajuan Perumahan telah mengenal pasti 19 tapak tanah baharu di keempat-empat daerah bagi pembangunan perumahan pada masa hadapan dan terdapat sebanyak lima tapak baharu di

Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait yang kini dalam peringkat kajian awal bagi menilai kesesuaiannya sebagai lokasi pembangunan perumahan.

Ini adalah bagi memastikan tapak-tapak pembangunan perumahan terancang, tersedia, serta menjamin kesinambungan pelaksanaan program perumahan negara secara mampan dan berfasa, jelas Yang Berhormat.

Antara inisiatif lain yang sedang diikhtirakan oleh Kementerian Pembangunan bagi meningkatkan penyediaan rumah yang lebih *viable* dalam skala yang lebih besar dan kos yang efektif adalah meneroka kaedah alternatif untuk menyediakan rumah-rumah melalui pembiayaan alternatif seperti Private Public Partnership, penggunaan teknologi pembinaan yang efisien dalam penyediaan rumah-rumah yang mampan dan terkawal, penggunaan bahan dan produk yang berkualiti dan lestari, reka bentuk unit perumahan yang lebih inklusif dan menepati keperluan rakyat di negara ini sesuai untuk seisi keluarga, warga emas dan individu yang berkeperluan khas, reka bentuk yang mengambil kira komponen kepentingan alam sekitar seperti penjimatan penggunaan air dan penjimatan tenaga dan mengoptimalkan penggunaan tanah, iaitu dengan memperkenalkan *vertical development*.



SEKITAR Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMASTIKAN SETIAP KEMENTERIAN MENAMBAH BAIK KAPASITI SUMBER MANUSIA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata pengauditan ke atas struktur organisasi dan sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam di setiap kementerian-kementerian di negara ini adalah dalam perancangan di bawah Projek Strategic Workforce Audit and Planning atau SWAP yang akan dikendalikan oleh JPM melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.

Projek ini adalah untuk memastikan setiap kementerian bertanggungjawab untuk menambah baik kapasiti sumber

manusia khususnya dalam pertama, penelitian dan penilaian terhadap keperluan sebenar sumber manusia. Kedua, pelaksanaan pengauditan sumber manusia dan perancangan tenaga manusia; dan ketiga, penyusunan semula, *reorganising structural reforms* organisasi dengan lebih teratur.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing mengenai perancangan bagi pengauditan tenaga kerja di semua kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan.

"Antara lain objektif projek SWAP ini adalah pertama, untuk

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

menilai dan menyemak struktur organisasi bagi setiap kementerian pada masa kini supaya bertepatan mengikut mandat dan fungsi terasnya. Kedua, menjalankan audit tenaga manusia di setiap kementerian untuk mengenal pasti jurang yang berkaitan dengan kemahiran sumber manusia dan infrastruktur mana-mana fungsi yang boleh digabungkan atau ditiadakan, cabaran atau kegagalan dalam kesalingkendalian perkhidmatan dan organisasi dan kecekapan organisasi.

"Dan ketiga, mengintegrasikan penemuan ke dalam satu matriks yang menggariskan keperluan

modal insan setiap kementerian dan menyediakan pelbagai fleksibiliti dalam pengembangan berdasarkan kemampunan fiskal kerajaan. InsyaaAllah, projek SWAP ini nanti akan dikendalikan oleh pihak yang berkepakaran dan berpengetahuan dalam sumber manusia dan projek ini akan dilaksanakan pada tahun ini dengan tempoh pelaksanaan selama tiga tahun," jelas Yang Berhormat pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang bersidang pada hari ketiga di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Komited meningkatkan kapasiti, keupayaan keselamatan siber



YANG Berhormat Menteri dan Pengangkutan Infokomunikasi.

perkhidmatan dan menggugat kestabilan infrastruktur digital.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai langkah pencegahan pencerobohan sistem digital dan kesiapsiagaan kolektif negara untuk menangani ancaman siber yang semakin kompleks.

"Serangan perisian tebusan secara selaras atau Coordinated Ransomware Attacks juga telah pernah melumpuhkan pusat-pusat data kerajaan. Manakala skim pancingan iaitu

phishing schemes telah menyasarkan sistem perbankan. Ini antara lainnya adalah untuk mendedahkan kelemahan-kelemahan dengan tujuan untuk menjejaskan kepercayaan orang ramai. Ancaman siber terutamanya yang melibatkan serangan ke atas infrastruktur kritikal, pencerobohan data dan gangguan kepada perkhidmatan selalunya didalangi oleh kumpulan-kumpulan terancang atau *organised groups, advanced persistent threat actors* dan juga mungkin *state-sponsored*.

"Dalam hubungan ini, dalam era digital yang semakin pesat, keselamatan siber bukan lagi satu pilihan tetapi satu keperluan strategik bagi memastikan kestabilan, keselamatan dan kedaulatan negara. Tidak dapat dinafikan tindak balas yang menyeluruh dan sistematik adalah diperlukan," jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang bersidang pada hari ketiga di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Negara Brunei Darussalam (NBD) tegas Yang Berhormat tidak terkecuali daripada risiko ini dan dalam hubungan ini, di antara langkah-langkah untuk mengukuhkan kesiapsiagaan negara dalam menangani ancaman siber adalah *multi-faceted* seperti menerusi usaha-usaha Jawatankuasa Keselamatan Negara, Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber, agensi Cyber Security Brunei dan agensi-agensi bukan kerajaan, swasta dan juga Persatuan Keselamatan Siber Brunei.

Ujar Yang Berhormat, dalam usaha untuk melindungi infrastruktur maklumat kritikal atau *critical information infrastructure*

di dalam negeri, tumpuan adalah diberikan untuk memastikan rekaan dan binaan adalah *resilient*.

Pemantauan masa nyata telah diperkenalkan dan ditingkatkan melalui Cyberwatch Centre supaya sebarang ancaman dapat dikesan dan diambil tindakan sebelum ia menyebabkan bahaya atau lebih bahaya. Untuk ini, Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT) juga ditubuhkan bagi menangani peristiwa-peristiwa keselamatan siber dan menjalankan *cyber drill exercises*, ini juga termasuk bekerjasama secara *bilateral regional* dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Dalam hubungan ini jelas Yang Berhormat, Agensi Keselamatan Siber Brunei memainkan peranan penting dalam menyatukan usaha kolektif kerajaan, industri dan komuniti untuk melaksanakan strategi perlindungan dengan berpanduan kepada amalan terbaik antarabangsa. Garis panduan pengauditan dan penilaian risiko juga telah diterbitkan untuk digunakan oleh mana-mana pemilik Infrastruktur Maklumat Kritikal (CII) bagi menilai tahap risiko dan keberkesanan kawalan risiko siber mereka. Sistem komputer yang digunakan untuk penyampaian perkhidmatan dan fungsi penting kerajaan adalah juga merupakan infrastruktur maklumat kritikal.

"Dalam hubungan ini, antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan melalui Pusat Kebangsaan e-Kerajaan adalah dengan mengenal pasti beberapa kelemahan keselamatan dan jurang operasi yang boleh menjejaskan kesinambungan perkhidmatan. Di antara tindak balas kepada penemuan-penemuan tersebut adalah bagi melaksanakan projek-projek seperti pemasangan Next Gen Firewall, melaksanakan

active directory refresh, memperkenalkan *central account password privileged management*, melaksanakan Multifactor Authentication dan pelaksanaan *enhance endpoint detection and response*.

"Seterusnya selaras dengan usaha memperkukuhkan keselamatan infrastruktur digital kerajaan dan kesiapsiagaan secara kolektif, semua pemilik sistem yang ditempatkan di Pusat Data Agensi dikehendaki untuk memastikan sistem kementerian/jabatan masing-masing menepati ciri-ciri yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi menjaga digital *cyber hygiene* di One Government Private Cloud dan memastikan penggunaan sistem operasi dan perisian yang terkini dan *supported*. Pemasangan perisian keselamatan melaksanakan penaiktarafan segera berasaskan laporan penilaian dan memastikan hanya sistem aktif ditempatkan di pusat data," tegas Yang Berhormat.

Dalam menilai tahap kesiapsiagaan kolektif negara jelas Yang Berhormat, NBD juga turut menyertai penilaian Global Cyber Security Index (GCI) yang mengukur komitmen negara terhadap keselamatan siber yang meliputi lima tonggak iaitu, undang-undang, teknikal, organisasi, pembangunan kapasiti dan kerjasama.

Hasil penilaian tersebut bertujuan untuk membantu negara mengenal pasti bidang penambahbaikan dan menggalakkan negara bertindak dalam membina kapasiti dan keupayaan di bawah setiap tonggak. Prestasi negara adalah diukur mengikut lima peringkat dengan *tier 1* adalah yang tertinggi dan *tier 5* yang terendah. Bagi penilaian tahun 2024, NBD telah dinilai dan dikategorikan pada *tier 3*, iaitu di peringkat *establishing* secara keseluruhannya, terang Yang Berhormat lagi.

"DALAM hubungan ini, dalam era digital yang semakin pesat, keselamatan siber bukan lagi satu pilihan tetapi satu keperluan strategik bagi memastikan kestabilan, keselamatan dan kedaulatan negara. Tidak dapat dinafikan tindak balas yang menyeluruh dan sistematik adalah diperlukan".

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPERTINGKATKAN PELUANG PEKERJAAN DIUTAMAKAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Menurut Kajian Tenaga Kerja tahun 2024, penyertaan tenaga kerja tempatan adalah pada kadar 71.3 peratus iaitu peningkatan sebanyak 3.8 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Manakala tenaga kerja asing merangkumi 28.7 peratus daripada keseluruhan pasaran buruh negara.

Dalam kategori jawatan Professional, Managerial, Executive and Technical (PMET), seramai 71,500 orang anak tempatan telah mengisi jawatan tersebut berbanding 15,900 pekerja asing, yang mencerminkan trend positif selari dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Perkara itu digariskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa membentangkan perbahasan Usul Wawasan Brunei 2035 pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata, untuk memperkukuhkan kesejahteraan pekerja tempatan dan memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh telah mempersyaratkan

bagi setiap syarikat yang hendak mengambil pekerja asing untuk mendapatkan Surat Pengesahan iaitu (Clearance Letter) daripada Pusat Pekerjaan Brunei sebelum permohonan Lesen Pekerja Asing mereka dipertimbangkan.

"Dasar mempersyaratkan Surat Pengesahan atau Clearance Letter ini adalah untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha dan syarikat-syarikat tempatan memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan terlebih dahulu sebelum menggaji pekerja asing dan seterusnya membantu syarikat mencapai *localisation* yang optima.

"Perkara ini sering dipersoalkan di dewan yang mulia ini, kenapa banyak warganegara asing yang mempelopori dalam bidang perniagaan seperti runcit dan sebagainya.

"Sukacita jua kaola kongsi

di dewan yang mulia ini, di mana menurut maklumat dari Banci Majikan dan Pekerja iaitu setakat 1 April 2024, jumlah syarikat yang menjalankan kegiatan runcit di negara ini adalah sebanyak 1,444 dengan jumlah tenaga kerja seramai 14,351 orang.

"Daripada jumlah tersebut, 6,001 orang adalah terdiri daripada pekerja tempatan manakala 8,350 adalah pekerja warga asing," kata Yang Berhormat.

Dari segi pemilikan pula, tambah Yang Berhormat, semua kedai runcit adalah dimiliki oleh warga tempatan, namun sebahagiannya iaitu 475 syarikat daripadanya mempunyai pemilikan bersama dengan warga asing.

"Istilah-istilah yang sering digunakan tidak sepatutnya ditimbulkan memandangkan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

proses-proses pengambilan dan pengeluaran visa dan Pas Kerja bagi pekerja asing telah diperkukuhkan dan telus dengan penglibatan agensi-agensi yang berkepentingan dalam kerajaan," ujar Yang Berhormat.

Meningkatkan produktiviti dalam pelbagai sektor



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 melalui pelbagai inisiatif strategik yang tertumpu kepada peningkatan produktiviti dalam sektor utama dan pelancongan; kepelbagaian ekonomi dan pembangunan yang mampan.

Ini termasuk penerapan teknologi moden, pengukuhan kapasiti pengeluaran dan pencarian pelaburan asing.

Menteri Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menggariskan perkara itu dalam perbahasan Usul Wawasan Brunei 2035 yang mencakupi pelaksanaan inisiatif serta perancangan strategik kementerian dalam menyokong Wawasan Brunei 2035 pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, inisiatif tersebut melibatkan beberapa bidang penting termasuk sektor pertanian dengan usaha kementerian berkenaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan domestik melalui penerapan teknologi pertanian moden seperti pertanian pintar dan hidroponik, di samping menggalakkan amalan pertanian yang mampan.

"Matlamat utama adalah untuk mengukuhkan sekuriti makanan dan mengurangkan kebergantungan kepada import serta menggalakkan eksport," jelas Yang Berhormat.

Dalam sektor perikanan pula kata Yang Berhormat, tumpuan diberikan kepada peningkatan hasil akuakultur dan pemprosesan melalui kaedah yang mampan, pengurusan sumber perikanan yang berkesan, dan pembangunan industri hiliran, yang merangkumi penggalakan penternakan ikan dalam sangkar dan udang secara komersial.

Manakala, sektor perhutanan diurus secara mampan untuk memastikan pemuliharaan biodiversiti dan sumber hutan, sambil menerokai potensi ekonomi melalui produk hutan bukan berasaskan kayu, *carbon trading* dan ekopelancongan.

"Di samping itu, kementerian juga memainkan peranan penting dalam memajukan sektor pelancongan. Ini termasuk pembangunan produk pelancongan baharu yang menarik, seperti pelancongan berasaskan komuniti, ekopelancongan, *wellness* dan pelancongan pengembaraan serta peningkatan kualiti perkhidmatan pelancongan. Usaha promosi di peringkat antarabangsa juga secara intensif dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negara Brunei Darussalam," jelas Yang

Berhormat.

Kementerian juga tambahkannya, menjalin kerjasama yang erat dengan pihak berkepentingan lain, termasuk sektor swasta dan institusi penyelidikan untuk memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini berlangsung dengan lancar dan berkesan.

"Inisiatif, strategi dan program-program dalam meningkatkan dan memperkukuhkan industri-industri ini telah kaola kongsi secara terperinci dalam Ulasan dan Kenyataan kaola semasa permesyuaratan musim pertama tahun ini, di mana kesemua inisiatif ini adalah sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat Brunei," ujar Yang Berhormat.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

"Di samping itu, kementerian juga memainkan peranan penting dalam memajukan sektor pelancongan. Ini termasuk pembangunan produk pelancongan baharu yang menarik, seperti pelancongan berasaskan komuniti, ekopelancongan, *wellness* dan pelancongan pengembaraan serta peningkatan kualiti perkhidmatan pelancongan. Usaha promosi di peringkat antarabangsa juga secara intensif dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negara Brunei Darussalam".

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPERKUKUHKAN EKOSISTEM DIGITAL, JANA PENINGKATAN DAYA INOVASI

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berkata, kejayaan pelaksanaan pelan-pelan *blueprints* tidak hanya bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata tetapi turut memerlukan kerjasama erat daripada sektor swasta, institusi pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan dan rakyat secara keseluruhannya.

Setiap pihak, ujar Yang Berhormat, memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan kapasiti, inovasi dan keberkesanan dasar, agar kita dapat bersama-sama

membina masa depan yang seimbang dan berdaya tahan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyatakan perkara tersebut semasa membentangkan perbahasan menyokong usul Wawasan Brunei 2035 pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) turut memainkan peranan yang menyeluruh, termasuk memberi sokongan kepada pelbagai sektor antara lain seperti pembangunan

kapasiti melalui inisiatif Manpower Industry Steering Committee (MISC), mempertingkatkan ekosistem digital, pembangunan sosial melalui aspek *connectivity* dan *mobility* serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dari segi penyediaan perkhidmatan dan kemudahan logistik.

Sehubungan itu, dalam mengukuhkan lagi usaha-usaha ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035, Yang Berhormat mengongsikan beberapa perkara indikatif mengenai sumbangan MTIC ke arah mendukung matlamat-matlamat yang dihasratkan menjelang tahun 2035.

Menurut Yang Berhormat, salah satu daripadanya adalah bermula dengan Rancangan Kemajuan Negara (RKN), dengan merujuk kepada enam teras yang menjadi hala tuju kepada penyediaan

program dan projek di bawah RKN12, yang mana MTIC turut memainkan peranan penting dalam mendukung tiga teras yang berkaitan, iaitu Teras 4 - Mengukuhkan Keselamatan Negara dan Kesejahteraan Rakyat Yang Berdaya Tahan; Teras 5 - Meningkatkan Sumbangan Sektor Bukan Minyak dan Gas Kepada Ekonomi Negara; dan Teras 6 - Mengukuhkan Pengurusan Kerajaan Bagi Pentadbiran Awam Yang Efisien dan Kondusif.

Berhubung dengan itu tambah Yang Berhormat, MTIC mempunyai sejumlah 21 projek di bawah RKN12 yang menjurus kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan penambahbaikan kesejahteraan rakyat.

Ini juga termasuk inisiatif-inisiatif berkaitan dengan transformasi digital yang akan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

menyumbang kepada peningkatan daya inovasi serta tahap produktiviti melalui penggunaan dan peralihan kepada digital.

Membentuk pembangunan sosial holistik berasaskan nilai kemanusiaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Rangka Dasar Sosial Negara iaitu Social Blueprint diperkenalkan sebagai satu pelan dasar yang memberi tumpuan khusus kepada pembangunan sosial negara, selaras dengan Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu Kualiti Kehidupan yang Tinggi.

Sebagai salah satu daripada tiga pelan induk utama negara - bersama Manpower Blueprint dan Economic Blueprint, Social Blueprint memainkan peranan yang saling melengkapi dalam membentuk asas pembangunan negara yang inklusif dan berdaya tahan, menjurus kepada enam Keutamaan Kebangsaan ataupun National Priorities di bawah rangka kerja wawasan iaitu: Kesihatan, Kesejahteraan Sosial, Pengangkutan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim,

Urus Tadbir dan Kerjasama, dan Sains dan Teknologi.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa mengongsikan pencerahan berhubung Pelaksanaan Social Blueprint sebagai sebahagian daripada usaha negara untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035, khususnya ke arah pencapaian Matlamat Kedua iaitu Kualiti Kehidupan yang Tinggi, pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat berkata, dengan mengambil kira cabaran

geopolitik dan ekonomi dunia yang semakin kompleks dan tidak menentu ini, Social Blueprint dibangunkan bagi memacu hala tuju pembangunan sosial negara secara lebih tersusun, menyeluruh dan mampan dengan berpaksikan kepada nilai-nilai kemanusiaan dan budaya, penyelarasan dasar antara agensi, serta pendekatan senegara atau Whole of Nation Approach yang mengiktiraf peranan semua pihak - kerajaan, masyarakat, sektor swasta dan individu - dalam menjayakan aspirasi kemajuan sosial negara yang sama-sama kita inginkan.

Ke arah ini ujar Yang Berhormat, Social Blueprint mendefinisikan kemajuan sosial negara melalui tiga tunggak utama, iaitu:

Pertama, memastikan keperluan asas rakyat dan penduduk dapat dipenuhi secara mampan - termasuk akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, pendidikan yang berkualiti, peluang pekerjaan dan tempat tinggal yang selamat dan selesa. Dalam konteks ini, kemajuan sosial yang kita maksudkan bukan sekadar bergantung kepada pertumbuhan ekonomi, tetapi kepada sejauh mana rakyat dapat menikmati hasil pembangunan dalam kehidupan seharian mereka.

Kedua, menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk negara ini dari sudut fizikal, mental, emosi dan sosial. Ini selaras dengan keperluan untuk membina persekitaran hidup yang kondusif, sihat dan lestari yang menyokong pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Ketiga, membina masyarakat yang berdaya tahan, mampu menyesuaikan diri dan menangani cabaran masa kini serta masa hadapan. Apa yang diharapkan adalah masyarakat yang resilien, iaitu masyarakat yang bukan sahaja mampu pulih daripada cabaran dan krisis, tetapi juga mampu bangun semula dalam tempoh masa yang singkat dan sudah tentunya boleh menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran dan terus berkembang maju.

"Secara keseluruhannya, ketiga-tiga tunggak ini membentuk asas kepada pendekatan pembangunan sosial yang holistik dan berasaskan nilai kemanusiaan untuk mencipta masa depan yang lebih baik bersama-sama, sejajar dengan wawasan untuk membina Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang inklusif, stabil dan sejahtera menjelang 2035," terang Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, Social Blueprint ini merangka hala tuju yang menyeluruh ke arah membentuk masa depan sosial negara yang lebih kukuh, seimbang dan inklusif, berteraskan empat aspirasi utama, sepertimana yang telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, sebelum ini.

Pertama, dari aspek individu, melahirkan Rakyat Yang Mandiri, Berdaya Tahan dan Siap Siaga menghadapi Masa Depan; Kedua, dari aspek Keluarga, Memperkasa institusi Keluarga



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Penyayang, Kukuh dan Berdaya Tahan; Ketiga, dari aspek Masyarakat, Membangun Masyarakat Yang Pemedulian, Inklusif dan Saksama; dan Keempat, secara menyeluruh iaitu Memperkasa Pembangunan Sosial Melalui Pendekatan Senegara (Whole of Nation).

Keempat-empat aspirasi ini jelas Yang Berhormat adalah sama-sama penting dan saling melengkapi antara satu sama lain. Secara keseluruhan, aspirasi-aspirasi ini disokong oleh 19 matlamat strategik dan 28 haluan dasar yang akan didukung dan dipantau melalui beberapa KPI Tindakan atau Action KPI.

"Maka, pelaksanaan Social Blueprint ini bukan hanya tentang visi masa depan, tetapi juga tentang bagaimana *kitani* dapat mencapainya secara terancang, inklusif dan menyeluruh selaras dengan dasar nasional dan matlamat jangka panjang Wawasan Brunei 2035 demi kesejahteraan rakyat dan negara," ujar Yang Berhormat.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



INISIATIF KEMENTERIAN PENDIDIKAN MELALUI 4 PELAN STRATEGIK

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menyatakan Kementerian Pendidikan melalui empat Pelan Strategik telah memberi keutamaan kepada beberapa inisiatif.

Ketika menyampaikan ucapan pada perbahasan Usul Wawasan Brunei 2035 pada hari ketiga Mesyuarat Kedua dari Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat menjelaskan Inisiatif Pertama iaitu Pengukuhan Pembelajaran dan Pengajaran (Teaching Strategies) melalui program seperti School-Based Assessment for Learning (SBAFL); Program Bimbingan Literasi dan

Numerasi (Literacy Numeracy Coaching Programme - LNCP; Program Sokongan Pembelajaran (Learning Support Programme - LSP) dan Pengajaran Blended Learning.

"Inisiatif Kedua iaitu Penyediaan kurikulum dan penilaian yang relevan dan inklusif (termasuk pendidikan khas dan pendidikan awal kanak-kanak).

"Inisiatif Ketiga iaitu Program Perkembangan Profesional bagi Pemimpin Sekolah (SLP) dan Tenaga Pengajar Inisiatif ini telah menghasilkan peratus guru yang mencapai Gred 4 dan ke atas dari 20.99 peratus pada tahun 2020 kepada 44.4 peratus pada tahun 2024.

"Inisiatif Keempat iaitu Program Pengambilan Guru. Proses penilaian, pemilihan dan sokongan pengambilan tenaga pengajar telah dikemaskini melalui Program Immersi dan Program Perantis serta Initial

Teacher Preparation yang juga ditawarkan oleh Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah (SHBIE) telah dinaik taraf ke peringkat Sarjana, iaitu Master of Teaching (MTeach) yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2009," jelas Yang Berhormat lagi.

Inisiatif Kelima, ujar Yang Berhormat iaitu Skim Perkhidmatan Perguruan (SPG), dan Skim Perkhidmatan Institusi Pengajian Tinggi Awam (SPTA) Skim Perkhidmatan Perguruan (SPG) telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2008 dan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA) pula diperkenalkan pada tahun 2014 yang memberikan pengiktirafan kepada tenaga pengajar untuk meningkatkan taraf profesionalisme.

Inisiatif Keenam pula menurut Yang Berhormat iaitu Memperkukuh Infrastruktur Pendidikan Ke Arah Persekitaran Pembelajaran Kondusif, Mampan dan Digital. Antara penambahbaikan yang dilakukan adalah Pengurusan Prasarana menggunakan Facility Management (FM); Pembinaan

dan Penambahbaikan prasarana Pendidikan; Transformasi Digital; School Network Infrastructure Upgrade (SNIU); dan Projek Infrastruktur Hijau dan Pendidikan Lestari.

"Inisiatif Ketujuh iaitu Penyediaan Kerangka-kerangka Pendidikan bagi Pelbagai Pendekatan Pembelajaran seperti Kerangka Pendidikan Khas, Literasi Kewangan, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Sokongan Pembelajaran (Learning Support), Pembelajaran Teradun (Blended Learning), Kerangka Kelulusan Brunei Darussalam (BDQF) dan sebagainya.

"Inisiatif Kelapan iaitu Penyediaan Program-program yang Memenuhi Keperluan Industri seperti Penawaran program inkubasi dan sokongan *start-up* nkeusahawanan; Program latihan praktikal (*internship*) dan bengkel kerjaya; Penerapan AI, AR/VR dan teknologi moden untuk pembelajaran secara individu dan praktikal; Penyelarasan program TVET dengan keperluan industri,"



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

kata Yang Berhormat lagi.

Inisiatif seterusnya jelas Yang Berhormat ialah Internationalisation (Globalisation and Student Mobility) seperti Kerjasama Rentas Agensi dan Komuniti; Platform ASEAN bagi Mobiliti dan Penjajaran Dasar; dan Penglibatan Aktif dalam rangkaian dan pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti ASEM, ISESCO, SEAMEO, UNESCO dan STEPAN.

Pencapaian SPN21 dikongsikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh telah mengongsikan beberapa pencapaian setelah hampir dua dekad perjalanan menuju aspirasi bagi mencapai Matlamat 1 melalui pelaksanaan Sistem Pendidikan Abad Ke-21 (SPN21).

Berucap pada perbahasan Usul Wawasan Brunei 2035 pada hari ketiga Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pencapaian pertama yang dikongsikan ialah Pencapaian Akademik iaitu merujuk kepada soalan Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada Isnin, 4 Ogos yang lalu mengenai dengan pencapaian pelajar.

Hasil dapatan analisis daripada gabungan empat penilaian kemahiran pelajar atau *psychometric assessments*, iaitu The National Study of Student Competencies in Mathematics and English (NSSCME) yang dibuat pada tahun 2008, NASC (National Assessment of Student Competencies) 2014, Student Assessment Tracker (SAT) 2018 dan Student Learning Survey (SLS) daripada tahun 2021 hingga tahun 2024 kata Yang Berhormat, telah menunjukkan prestasi

kemahiran pelajar meningkat dari tahun 2008 hingga tahun 2024 bagi domain literasi bahasa Inggeris.

Peningkatan ini amat ketara, jelas Yang Berhormat daripada 59 peratus pelajar Tahun 4 mencapai tahap minima kemahiran atau Basic Literacy Skills pada tahun 2008, peratus ini telah meningkat kepada 99 peratus pada tahun 2024.

"Yang lebih menggembirakan, jumlah yang berada di tahap Independent Readers juga meningkat daripada 4 peratus pada tahun 2008 menjadi 44 peratus pada tahun 2024. Bagi pelajar Tahun 6, juga menunjukkan peningkatan kemahiran pelajar pada tahap Emerging Independent Readers dan Independent Readers daripada 57 peratus pada tahun 2008 kepada 99 peratus pada tahun 2024," terangnya.

Di samping itu, kata Yang Berhormat, analisis data juga mendapati korelasi yang tinggi antara data-data penilaian psikometrik ini dengan prestasi pelajar dalam PISA 2018 dan PISA 2022.

"Triangulasi data ini telah memperkukuhkan lagi validasi temuan penilaian prestasi pelajar," jelas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, kelebihan utama menggunakan penilaian-penilaian psikometrik ini ialah data yang diperoleh dapat dibandingkan kerana ia menggunakan beberapa soalan yang sama atau *linked items* serta menggunakan skala tahap

kemahiran yang sama.

Selain itu, ujar Yang Berhormat, data ini membolehkan Kementerian Pendidikan menggunakannya untuk penjejakan prestasi pelajar secara *longitudinal*.

"Di kesempatan ini, kaola / saya bagi pihak Kementerian Pendidikan sangat menghargai dan berterima kasih kepada mantan-mantan pemimpin Kementerian Pendidikan yang terdahulu, yang telah menerajui satu sistem penilaian yang sangat relevan sehingga ke hari ini untuk menilai keberkesanan pelaksanaan sistem pendidikan," kata Yang Berhormat.

Lebih satu dekad berlalu, kata Yang Berhormat, proses penilaian ini ternyata dapat membantu menilai sejauh mana usaha yang selama ini dijalankan berjaya atau sebaliknya.

Bagi pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam pula, memang terdapat penurunan peratus pelajar dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang mendapat Gred A-C pada tahun 2024, ujar Yang Berhormat.

Analisis menggunakan Rasch Model mendapati pelajar yang menduduki PSR pada tahun 2024 merasakan *items* dalam kertas soalan peperiksaan adalah mencabar.

Interpretasi kepada dapatan ini, kata Yang Berhormat adalah sama ada *items* tersebut melebihi tahap pembelajaran atau pelajar belum mencapai kompetensi yang dijangkakan, atau pelajar merasakan kesukaran dalam

memahami soalan.

Bagi peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level dan IGCSE, pencapaian jumlah pelajar calon sekolah memperoleh sekurang-kurangnya 5 'O' Level menunjukkan trend peningkatan sebanyak 0.33 peratus, iaitu daripada 44.69 peratus pada tahun 2023 kepada 45.02 peratus pada tahun 2024, ujar Yang Berhormat.

Bagi peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'A' level, jumlah pelajar calon sekolah yang memperoleh sekurang-kurangnya 3 'A' Level ke atas menunjukkan trend peningkatan sebanyak 7.93 peratus, iaitu daripada 67.83 peratus pada tahun 2023 kepada 75.76 peratus pada tahun 2024.

Pencapaian Kedua: University Ranking, kata Yang Berhormat, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) masing-masing berada dalam kedudukan ke-75 dan ke-134 dalam QS Asia University Ranking 2025.

Manakala, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berada di kedudukan 201-300 dalam World University Ranking for Innovation (WURI) 2025.

"Pencapaian Ketiga iaitu Pencapaian Sains dan Inovasi Pelajar di Peringkat Serantau dan Antarabangsa. Beberapa pencapaian inovasi di peringkat serantau dan antarabangsa melalui program-program pertandingan yang telah diraih oleh pelajar-pelajar, antaranya: Anugerah Brunei ICT Award (BICTA); Anugerah Asia Pacific ICT Alliance (APICTA); Anugerah

Crown Prince Creative, Innovative Product and Technological Advancement (CIPTA); Anugerah WorldSkills dan Shell Eco-marathon.

"Pencapaian Keempat iaitu Kadar Kemasukan Ke - Peringkat Pasca Menengah. Pencapaian bagi kemasukan ke peringkat pasca menengah adalah meningkat dari tahun 2011 ke tahun 2024 iaitu sebanyak 41.1 peratus dari 68.8 peratus hingga 109.9 peratus.

"Kelima iaitu Tahap Kepuasan Majikan. Kajian Kepuasan Majikan bagi graduan pengajian tinggi menunjukkan kadar yang memuaskan pada tahun 2023 iaitu 80.2 peratus," jelas Yang Berhormat lagi.

Pencapaian Keenam pula menurut Yang Berhormat iaitu Pengiktirafan Penghasilan Akademik Antarabangsa Program akademik dan fakulti-fakulti turut diperakui oleh badan-badan antarabangsa seperti Coursera, ABET, ACCA, AACSB dan EFMD manakala beberapa tenaga akademik telah diiktiraf sebagai penyelidik dan saintis teratas di dunia dan memenangi berbagai anugerah di peringkat global.

Terdapat juga kolaborasi dalam penyelidikan bersama institusi-institusi terkemuka, ujar Yang Berhormat.

Penghasilan keseluruhan penerbitan akademik di peringkat pengajian tinggi setakat Mac 2024 juga telah merekodkan sebanyak 9,859 penerbitan, dengan petikan (*citation*) berjumlah 124,120, terang Yang Berhormat.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMBANGUN PENANDA ARAS KEMISKINAN NASIONAL

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Agensi-agensi berkepentingan dicadangkan agar mempertimbangkan keperluan untuk membangun satu penanda aras kemiskinan nasional yang bukan sahaja berasaskan pendapatan tetapi turut mengambil kira aspek kemampuan asas serta akses kepada perkhidmatan penting dan kualiti kehidupan secara menyeluruh.

Cadangan tersebut dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing pada sesi perbahasan Usul Wawasan Brunei 2035 semasa Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang bersidang pada hari ketiga di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat percaya bahawa pelaksanaan inisiatif ini akan lebih berkesan sekiranya dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai pihak Whole of Nation termasuk ketua-ketua kampung sebagai pemantau di peringkat akar umbi seperti yang telah dilaksanakan pada masa ini demi memastikan bantuan agihan dengan lebih adil, tulus dan berkesan dan juga sebagai menyokong matlamat Wawasan

Brunei 2035 untuk memperkasa kualiti hidup rakyat dan merealisasikan aspirasi sifar kemiskinan iaitu *zero poverty*.

Cadangan tersebut disuarakan oleh Yang Berhormat memandangkan sehingga kini negara masih belum mempunyai satu definisi rasmi dan ukuran kemiskinan yang dapat dijadikan ukuran nasional.

Ketiadaan garis panduan yang seragam ujar Yang Berhormat menyukarkan usaha untuk mengenal pasti secara objektif golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dan pada masa yang sama menilai keberkesanan program kebajikan dan sokongan sosial yang telah dirangka dan dilaksanakan.

"Apa yang perlu diperhatikan ialah perkara ini telahpun dirancang secara dasar seawal tahun 2011, di mana terdapat cadangan untuk membangun garis kemiskinan berdasarkan dapatan tinjauan perbelanjaan isi rumah kebangsaan namun setelah lebih satu dekad berlalu, garis kemiskinan tersebut masih belum dimuktamadkan. Persoalannya, apakah cabaran utama yang menyebabkan perkara ini masih belum direalisasikan dan apakah langkah seterusnya yang sedang dirancang untuk menyempurnakan usaha penting

ini?", ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan banyak kemajuan yang ketara dapat dicapai melalui 3 Blueprint (Manpower Blueprint, Social Blueprint dan Economic Blueprint) yang telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di antara kemajuan yang telah dicapai dari segi ekonomi ujar Yang Berhormat adalah usaha mengurangkan ketergantungan kepada sektor minyak dan gas melalui pempelbagaian seperti industri petrokimia contohnya Brunei Methanol Company dan pembangunan sektor pembuatan logistik dan perkhidmatan kewangan.

Dari segi pendidikan dan belia pula ujar Yang Berhormat adalah reformasi kurikulum SPN21, peningkatan score PISA dan acara libat urus belia seperti *coffee talk* manakala, dari segi penjagaan kesihatan dan kualiti hidup pula melalui pembedahan pemindahan hati pertama yang telah berjaya dilaksanakan pada 1 Februari 2025.

Kejayaan-kejayaan ini tercapai menurut Yang Berhormat adalah atas komitmen sepadu daripada berbagai agensi berkepentingan dan ia menyumbang kepada

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

sebahagian daripada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

Namun Yang Berhormat seterusnya berkata ada juga cabaran-cabaran yang dihadapi, salah satunya ialah majoriti rakyat masih kurang faham atau tidak terlibat secara langsung dengan visi dan satu tinjauan menyatakan, 95 peratus warga Brunei tidak faham tentang Wawasan Brunei 2035. Mereka tahu menyebutnya tetapi tidak tahu maksudnya.

Menyentuh mengenai dokumen Social Blueprint, Yang Berhormat menjelaskan prinsip yang memandu Social Blueprint adalah dilihat dari ekosistem yang lengkap meliputi Wawasan Brunei 2035, Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dan komitmen - komitmen antarabangsa yang selaras dengan prinsip-prinsip utama Maqasid Syariah.

Social Blueprint ini jelas Yang Berhormat lagi mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035 dengan matlamat-matlamat strategik yang sejajar dengan pencapaian kebangsaan yang telah dikenal pasti di bawah matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.

"MKIS berperanan penting dalam mengenal pasti dan



menangani isu-isu sosial di negara ini. MKIS telah mengenal pasti 12 isu utama yang dilihat secara senegara iaitu kemiskinan, rumah daif, pengangguran, *security* sosial, mentaliti masyarakat, kegiatan tidak bermoral, pencegahan jenayah, warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU), institusi keluarga, wanita dan kanak-kanak," ujar Yang Berhormat.

Pelan-pelan tindakan di bawah Jawatankuasa -j awatankuasa MPS bagi menangani isu-isu sosial tersebut juga selaras, diselenggarakan dengan aspirasi Social Blueprint termasuk dalam penyediaan dasar, akta ataupun program melibatkan pelbagai agensi peneraju dan keahlian daripada agensi-agensi masing-masing.

Atasi cabaran *emerging issues* global secara bersepadu

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, berpeluang mendengarkan perbahasan Usul Wawasan Brunei 2035 oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Perbahasan Usul oleh Yang Berhormat didahului dengan

menjunjung kasih di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam memastikan pelaksanaan gerak kerja dan matlamat ke arah Negara Maju Tahun 2035 dapat dicapai dengan jayanya.

Selain daripada itu ujar Yang Berhormat lagi baginda juga memberi penekanan dengan

cabaran-cabaran *emerging issues global* yang akan dihadapi dan ditangani secara bersepadu melalui pendekatan senegara.

"Dalam era globalisasi dan teknologi yang berkembang pesat, salah satu cabaran terbesar yang sedang kita hadapi ialah *emerging issues global* yang berkaitan dengan Revolusi Digital dan Kecerdasan Buatan (AI). Perubahan ini bukanlah sesuatu yang bersifat sementara, tetapi merupakan satu arus perubahan struktur ekonomi dan sosial yang mendalam dan berterusan," ujar Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat menyatakan cabaran-cabaran utama tersebut ialah perubahan drastik dalam jenis pekerjaan, banyak pekerjaan konvensional kini digantikan oleh automasi dan teknologi pintar yang secara langsung mengubah permintaan pasaran buruh, di mana kemahiran teknikal dan digital menjadi keutamaan.

AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Cabaran utama berikutnya ujar Yang Berhormat ialah ketidaksamaan akses digital (Digital Divide) memandangkan golongan yang tidak memiliki akses kepada teknologi atau internet berisiko ketinggalan, terutama di kawasan pedalaman atau dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah.

Ketidaksamaan ini jelas Yang Berhormat akan terus melebar jika tidak ditangani secara inklusif.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan cabaran utama berikutnya iaitu keperluan kemahiran baharu.

"Wujud keperluan mendesak untuk melahirkan modal insan yang celik digital, berkeupayaan menyelesaikan masalah kompleks, dan mampu beradaptasi dengan teknologi masa depan, termasuk kemahiran dalam AI, sains data, keselamatan siber, dan reka bentuk sistem digital," jelas Yang Berhormat.

Jika cabaran ini tidak ditangani dengan strategi yang jelas, ujar Yang Berhormat lagi ia boleh menjejaskan tiga matlamat utama Wawasan Brunei 2035, iaitu Rakyat Berpendidikan dan



Berkemahiran Tinggi di mana belia yang tidak mendapat peluang latihan semula atau pendidikan digital akan ketinggalan dalam pasaran kerja global.

Ujar Yang Berhormat lagi, Ekonomi Dinamik dan Berdaya Tahan yang juga merupakan matlamat utama Wawasan Brunei 2035 akan terjejas kerana tanpa adaptasi terhadap ekonomi digital, negara akan kehilangan daya saing dan peluang pelaburan strategik.

Matlamat ke arah Kualiti Hidup Yang Tinggi juga akan terjejas ujar Yang Berhormat lagi kerana ketinggalan dalam teknologi boleh menyumbang kepada peningkatan ketidaksamaan sosial dan ekonomi.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

WIRA FAJAR BERSEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-20



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin

JERUDONG, Jumaat, 8 Ogos. - Seramai 400 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, pegawai-pegawai kerajaan dan swasta, persatuan dan pergerakan belia, Belia-bel

Masjid serta penduduk sekitar Kampung Jerudong menyertai Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mendengarkan Tazkirah Subuh bertajuk 'Belia Siaga Masa Depan' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Awang Najib bin Haji Awang.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan setiausaha-setiausaha tetap serta pegawai-pegawai kanan dari KKBS dan KHEU.

Program diisikan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Awang Haji Muhd. Amaluddin bin Haji Jamaluddin, diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Belia Siaga Masa Depan' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Awang Najib bin Haji Awang.

Wira Fajar diselajarkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dipimpin oleh Ketua Belia Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Awang Muhammad Nur Hazim Wafiuddin bin Haji Kamaruzaman dan seterusnya bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh imam masjid berkenaan dan diakhiri dengan Sembahyang Dhuha.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid merupakan anjuran KKBS, dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Belia-belia Masjid.

Wira Fajar kali ini diadakan

bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025.

Melalui program tersebut dihasratkan dapat mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat terutama sekali dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid-masjid.

Sempena Hari Belia Kebangsaan kali ini yang mengangkat tema 'Belia Siaga Masa Depan', golongan belia turut diseru agar dalam mengejar pembangunan dan kemajuan diri, mereka tidak melupakan pengukuhan agama dan nilai spiritual sebagai asas yang kukuh dalam kehidupan.

2 wakil negara ke Pertandingan Menghafaz Al-Quran di Mekah Al-Mukarramah



DUA peserta negara akan menyertai '45th King Abdul Aziz International Competition for The Memorization, Recitation and Interpretation of The Quran Makkah Al-Mukarramah' yang akan diadakan dari 8 hingga 20 Ogos 2025 di Mekah Al-Mukarramah.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Negara Brunei Darussalam akan menyertai '45th King Abdul Aziz International Competition for The Memorization, Recitation and Interpretation of The Quran Makkah Al-Mukarramah' yang akan diadakan dari 8 hingga 20 Ogos 2025 di Mekah Al-Mukarramah.

Sehubungan itu, dua peserta negara ke pertandingan tersebut berlepas pada petang tadi.

Wakil negara bagi Kategori

Menghafaz 15 Juz Al-Quran ialah Pelajar Tahun 3 Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah (ITQSHHB), Awang Muhammad Hassanul Jamsyir Ali bin Jais.

Manakala bagi Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Quran ialah Pelajar Tahun 2, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at, ITQSHHB, Awang Muhammad Amin Yusof bin Muhammad Arifin.

Menyertai rombongan ialah Pegawai Pelajaran, ITQSHHB,

Awang Mohammad Aizat bin Haji Ahmad, selaku Pengurus Rombongan dan Pembimbing.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat jalan ialah Pemangku Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Datin Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub; dan Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Zul Husni bin Haji Sulaiman.

Semoga para peserta negara akan memperlihatkan mutu persembahan yang terbaik serta berjaya dengan cemerlang dalam pertandingan tersebut nanti.




MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN BAKAL GRADUAN UBD



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) (kiri), manakala gambar atas, seramai 234 bakal graduan yang berjaya mengkhataamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran sempena majlis tersebut.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan

TUNGKU, Rabu, 6 Ogos. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Konvokesyen UBD Ke-37 bertempat di Masjid Universiti, di sini.

Majlis ini merupakan sebahagian

daripada acara Pesta Konvo 2025 bagi meraikan kejayaan bakal-bakal graduan UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir ialah Naib Canselor

UBD, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle.

Majlis menyaksikan seramai 234 bakal graduan yang berjaya mengkhataamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran sempena majlis tersebut.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Duha hingga Surah Al-Masad oleh para peserta.

Seterusnya, bacaan Takhtim dan Doa Khatam dibacakan oleh para peserta.

Persembahan Dikir Marhaban turut dipersembahkan dan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada peserta khatam.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Imam Masjid Universiti, Muhammad Wafiy Awang Mohammad.

Majlis Khatam Al-Quran dan Doa

Kesyukuran ini merupakan antara acara yang diadakan untuk memperingati kejayaan graduan pada tahun ini dengan matlamat mengukuhkan semangat perpaduan dan kesyukuran dalam kalangan warga universiti.

Untuk maklumat lanjut mengenai acara akan datang atau hal ehwal pelajar, sila lawati laman sesawang rasmi UBD atau ikuti Instagram di @ubdbuzz dan @studentaffairsbd.

Penghargaan untuk pelajar cemerlang



PENOLONG Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Haflut Takharruj dan Penghargaan Pelajar Cemerlang Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) bagi Tahun 1446H / 2024M dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada penerima (kiri dan atas).

RIMBA, Khamis, 7 Ogos. - Seramai 167 pelajar diraikan pada Majlis Haflut Takharruj dan Penghargaan Pelajar Cemerlang Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) bagi Tahun 1446H/2024M yang berlangsung di Dewan Serbaguna, sekolah berkenaan di Kampung Rimba.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penolong Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Maznan bin Haji Yusuf.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran berserta inti sari, diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan dan lagu rasmi sekolah.

Seterusnya ucapan alu-aluan oleh Pengetua SASHHB, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd Noor, selaku Pengerusi Majlis yang antara lain mengongsikan, majlis tersebut diadakan dengan beberapa objektif utama iaitu pertama, memberikan penghargaan kepada para pelajar

yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik dan sahsiah; kedua, memperkukuh hubungan silaturahim dan kerjasama antara sekolah, ibu bapa dan masyarakat dalam menyemarakkan kecemerlangan pendidikan; dan ketiga, menyemai semangat berterusan dalam menuntut ilmu serta membina jati diri pelajar sebagai pewaris negara yang berilmu, berakhlak dan berwawasan.

Menurutnya lagi, pencapaian para pelajar mencerminkan kekuatan ilmu, sahsiah dan jati diri yang terbina melalui usaha gigih para pelajar, bimbingan para guru serta doa dan sokongan ibu bapa. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin semangat kepada pelajar lain.

Menyentuh tentang mendukung Wawasan Brunei 2035, beliau menekankan, pelajar berperanan penting sebagai pemimpin berintegriti, ilmuwan berakhlak dan warga negara yang bertanggungjawab.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis berkenaan diadakan untuk meraikan para pelajar Tahun 10 (Fast Track) dan Tahun 11 yang berjaya menamatkan pembelajaran mereka pada tahun 2024 lalu.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 79 pelajar menerima Hadiah Pelajar Terbaik, manakala 14 pelajar menerima Hadiah Pelajar Cemerlang bagi Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) Tahun 2024.

Bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level Tahun 2024, seramai 36 pelajar menerima Hadiah Pelajar Terbaik dan empat orang menerima Hadiah Pelajar Cemerlang.

Selain itu, majlis juga menyaksikan penyampaian hadiah kepada 24 pelajar terbaik setiap kelas.

Kemuncak majlis menyaksikan penyampaian Hadiah Khas Pelajar Mithali bagi Tahun 2024 yang

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Shahwal Ibrahim Tajudin

dianugerahkan kepada pelajar Sanah 10 Ibnu Hayyan, Awang Abdul Matin bin Zulfarein.

Majlis diakhiri dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Doa Selamat bagi memberkati majlis.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

MENINGKATKAN PEMAHAMAN MERENTAS BUDAYA

TUNGKU LINK, Rabu, 6 Ogos. - Pejabat Global Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Program Kejuruteraan Elektrik mengadakan Majlis Penutup Kursus Program Projek Inovasi Luar Negara China-Brunei 2025 (China-Brunei Overseas Innovation Project Programme - OIPP) dengan penyampaian sijil kepada 12 orang pelajar Ijazah Sarjana

Muda dari Tianjin University (TJU), China School of Microelectronics dan juga dua pengiring.

Hadir selaku tetamu kehormat, Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Profesor Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao

Jianguo.

Majlis Penyampaian Sijil yang berlangsung di Dewan Concourse UTB yang disempurnakan oleh TYT Xiao Jianguo.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua OIPP UTB, Profesor Madya Dr. Lim Tiong Hoo, dan TYT Xiao Jianguo.

Program tersebut berakhir dengan kerjasama akademik antarabangsa selama dua minggu antara UTB dan TJU yang bermula 25 Julai hingga 7 Ogos 2025.

OIPP menawarkan peluang antarabangsa kepada pelajar ijazah sarjana muda. Objektifnya adalah untuk memperkaya pengalaman akademik pelajar, meningkatkan kemahiran kreatif dan praktikal mereka, membentuk perspektif global dan pemahaman merentas budaya serta mengukuhkan kerjasama institusi, terutamanya melalui inisiatif pertukaran pelajar dengan TJU.

Salah seorang wakil peserta telah membentangkan pandangan dan penilaian mengenai program tersebut, menekankan nilai

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Shahwal Ibrahim Tajudin



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Kursus Program Projek Inovasi Luar Negara China-Brunei 2025 (kiri), manakala gambar atas, antara yang hadir pada program berkenaan.

kerjasama merentas sempadan dan pertukaran budaya. Seterusnya, tayangan video yang merakamkan detik-detik penting dan pencapaian sepanjang program dua minggu tersebut.

Majlis diakhiri dengan penyerahan sijil kepada semua peserta serta pameran robot pintar yang dihasilkan oleh para peserta sepanjang dua minggu program.

Malam Mengimbas Kenangan meriahkan Pentas Perayaan



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Malam Mengimbas Kenangan Zaman 2000-an Bersama Seragam Hitam Band. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai (atas), manakala gambar kanan, antara yang membuat persembahan. Sementara gambar bawah, orang ramai yang hadir menyaksikan persembahan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUTONG, Rabu, 6 Ogos. - Acara Pentas Perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun dimeriahkan lagi dengan Malam Mengimbas Kenangan Zaman 2000-an Bersama Seragam Hitam Band, bertempat di Kawasan Lapang Berhadapan

Hospital PMMPMHAMB Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai; serta penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dari Daerah Tutong.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Gaya Hidup Sihat Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup'. Tarikh Tutup : 13 Ogos 2025
2. 'Kebaikan Menjadi Masyarakat Berdisiplin, Bertoleransi'. Tarikh Tutup : 20 Ogos 2025
3. 'Pembangunan Ekonomi Digital: Peluang dan Cabaran'. Tarikh Tutup : 27 Ogos 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



**Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Tajuk Sebut Harga:
Terms Contract 12 Months to
Supply, Delivery and
Commissioning of Materials for
Vehicle Body Repair Course at
Youth Development Centre,
Ministry of Culture, Youth
and Sports

Bilangan Sebut Harga:
07 / 2025 / KKBS / PPB / 07

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
14 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



**26 / BBS / SH / BKA / 2025 –
2026**

Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membaiki Kerosakan Pada
Bangunan Banglow VIP Di
Padang Bandaran Kuala Belait,
Jalan Sultan Kuala Belait

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan
Negara Brunei Darussalam**

(Kelas I dan II Kategori KA01)

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa, 19 Ogos 2025

Waktu Kaunter Pembayaran
Isnin – Khamis
8.00 pagi – 12 tengah hari
1.30 petang – 3.00 petang

Sabtu
8.00 pagi – 10.00 pagi
Tutup pada Jumaat, Ahad dan
Hari-hari Kelepasan



1. Bilangan Sebut Harga:
(83) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)

Tajuk:
Membekalkan Aksesori
Penggambaran Video

2. Bilangan Sebut Harga:
(84) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)

Tajuk:
Membekalkan Peranti "Handheld"
Penggambaran Video

Tarikh Tutup:
Khamis, 14 Ogos 2025
Jam 8.00 pagi



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dalam**

Kelas:
Terbuka

Kategori:
Terbuka

**Tarikh akhir mengambil
Dokumen Tawaran pada:**
Sabtu, 16 Ogos 2025

Tarikh Tutup:
Selasa, 19 Ogos 2025
Jam 2.00 petang

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025-06

Tajuk Projek:
Term Contract (24 Months) for
Facilities Management at Ministry
of Home Affairs, Kuala Lurah
Control Post and Immigration and
National Registration Tutong
Branch And National Disaster
Management Centre,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Projek:
KHEDN / BPE / 2106 / 05

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III, IV & V

Kategori:
KA01, KPB03 (Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 12 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 26 Ogos 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 21 / BKTGS /
2025-T / IV

Nama Projek :
Kerja-Kerja Pembinaan Padang
Sukan Bola Bagi Sekolah
Rendah Rimba III Termasuk
Pemasangan Pagar Kawasan
Sekolah Mengikut Tapak Warta
(Re-Tender)

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Bilangan Tawaran:
06 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Tawaran Khidmat Pengawal
Keselamatan Seramai 4 Orang
(2 Orang Per Syif)
Selama 24 Jam Sehari Untuk
Menjaga Bangunan Baru Bekas
TELBRU,
Jalan Lapangan Terbang Lama,
Berakas Bagi Tempoh 1 Tahun
(Re-Tender)

Tarikh Tutup:
Selasa,
12 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
S02 & S03 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Rabu, 6 Ogos 2025

Tarikh Tutup:
Selasa, 12 Ogos 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 023 / 2025

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi
Pembersihan Kawasan
Tangki-Tangki Zone 'B'
Di Daerah Brunei Dan Muara
Selama 36 Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Bilangan Tawaran :
PPB / QTN / JK2025 / FOOD / 01

Tajuk Tawaran :
Penyediaan Jamuan untuk
Jemputan Khas, Pegawai dan
Kakitangan Pusat Pekerjaan
Brunei bagi Acara Jelajah Kerjaya
2025

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar
melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran:
Rabu, 6 Ogos 2025

Tarikh Tutup:
Rabu, 20 Ogos 2025
2.00 petang

Dokumen Tawaran :
Dokumen tawaran boleh diperoleh
di Pusat Pekerjaan Brunei (PPB),
setelah yuran tawaran dibuat.
Pihak Syarikat dikehendaki untuk
menunjukkan slip pembayaran
dan rujukan tawaran sebagai
bukti.

Sila e-mel screenshot
pembayaran berserta nombor
tawaran ke:
*Tender@ppb.gov.bn dan
kewangan.jpm@jpm.gov.bn*



Iklan Tarikh Lanjutan

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2025 / SDC /
TA / 01

Perkhidmatan Veterinary Kuda
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah satu
minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu Selasa,
5 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 9 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



Iklan Penukaran Tarikh Taklimat

Tawaran:
JPH / 2113 / TAW / 398 /
2025-2026
Event Management Services For
Ekspo Sumber-Sumber Utama
Dan Pelancongan 2025

Isnin – Khamis
8.30 pagi – 11.30 pagi
1.30 petang – 2.30 petang

Sabtu
8.30 pagi – 10.00 pagi

**Borang Pendaftaran Syarikat
(jika belum berdaftar):**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Borang Tawaran:
BND15.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 26 Ogos 2025

Sesi Taklimat:
Selasa, 16 Ogos 2025, 9.00 pagi

Tempat:
Bilik Mesyuarat Rimbawan,
Tingkat 2, Jabatan Perhutanan,
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan



Iklan Tarikh Lanjutan

JUA 06 / 2024
Consultancy For The
Enhancement Of Hydrographic
Services And Development Of
Marine Spatial Data Infrastructure

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup:
Selasa, 19 Ogos 2025



Bilangan Tawaran:
2025 / TDD / EOI / 01

Tajuk Tawaran:
Invitation for Expression of Interest (EOI) – “To Operate And Maintain The Operation And Interior Of Kampong Ayer Tourism & Cultural Gallery, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam”

Tarikh Buka Tawaran:
Rabu, 6 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 18 September 2025
Jam 2.00 petang



JABATAN PERDANA MENTERI

**Pusat Pekerjaan Brunei
Jabatan Perdana Menteri**

Bilangan Tawaran:
JPM / PPB / CIU / COMM / 31

Tajuk Tawaran:
To Supply and Deliver Souvenirs for Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) Activities and Events

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran:
Rabu,
6 Ogos 2025

Tarikh Tutup:
Rabu, 20 Ogos 2025
2.00 petang

Dokumen Tawaran :
Dokumen tawaran boleh diperoleh di Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), setelah yuran tawaran dibuat. Pihak Syarikat dikehendaki untuk menunjukkan slip pembayaran dan rujukan tawaran sebagai bukti

Sila e-mel **screenshot** pembayaran berserta nombor Tawaran ke:
Tender@ppb.gov.bn dan kewangan.jpm@jpm.gov.bn



Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2025-2026 / 20

Tajuk Tawaran:
“To Design, Provide Copywriting, Editorial, Printing and Delivery for Tourist Guide Manual”

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 21 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**1. JPH / 003 / TAW / 399 /
2025-2026**

Menaiktaraf dan Membaik pulih Pondok Dan Laluan Pendaki Di Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar

Syarat: Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas II ke atas dan **Sub-Kategori:** KA01 Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam

**2. JPH / 003 / TAW / 400 /
2025-2026**

Membina Pondok Penurunan Dan Bangunan Tempat Penyimpanan Temuai Dan Kelengkapan

Syarat: Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas III ke atas dan **Sub Kategori:** KA01 Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Terakhir Membeli
Dokumen:**
Rabu, 27 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 9 September 2025



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**Jabatan
Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri**

**Jawatan Kosong di Sekretariat
Komanwel, London, United
Kingdom**

1. Jawatan:
Talent Attraction and HR
Operations Manager, Human
Resources and Facilities
Management Division

Kekosongan:
1

2. Jawatan:
Speechwriter for the
Secretary-General,
Secretary-General's Office

Tarikh Tutup:
Isnin,
18 Ogos 2025

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan-jawatan tersebut, termasuk permohonan boleh didapati melalui pautan:
<http://thecommonwealth.org/jobs>



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPN / ASET / BUU / QTN / 2025 /
8 / 1

Tajuk Tawaran :
‘Quotation for Renovation Including Supply and Installation of Furnishes and Fixtures for Toilets, Third Floor, Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1910, Bandar Seri Begawan’

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



**Jabatan
Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri**

**Jawatan Kosong Di
Commonwealth Foundation,
London, United Kingdom**

1. Jawatan:
Deputy Director-General of the
Commonwealth Foundation

Kekosongan:
1

Tarikh Tutup:
Ahad, 17 Ogos 2025

Untuk makluman, permohonan jawatan berkenaan bolehlah dihadapakan melalui pautan :
<https://plusportal.perrettlaver.com/>



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 043 / 2025

Tajuk:
Technical Maintenance of Leaked
Distribution Transformer for
Brunei-Muara for Three (3) Years


Tarikh Tutup:
Selasa, 2 September 2025
Jam 2.00 petang

Harga Dokumen:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil, Jabatan Perdana
Menteri, Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri, Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam KELAS 3,4
ATAU 5, dalam Kategori E03 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78 (Q) / 0005 / 2025 (R)

Tajuk Sebut Harga:
“Supply of Repair Work On Fibreglass And HDPE Tanks To Marine Biodiversity, Meragang”

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 21 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
12 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Projek
Construction of Hardstanding
Concrete Slab and New Garage
Carpark at Bangunan Blok B21,
Anggerak Desa,
Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 28 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



Perhatian :
Sila sertakan salinan “BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17”, sijil pendaftaran pemborong (MOD), Sijil Tabung Amanah Pekerja, “Tap Employer Contribution” dan ‘Certificate of Tax Compliance’ semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 21

Tajuk Tawaran:
Penyediaan Pakej Mesyuarat dan Bilik Peningkatan Sempena UN Tourism Regional Workshop
In Brunei Darussalam,
18 – 20 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 21 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 67 / 25 – 26
Pembelian dan Pembekalan Televisyen, Tablet dan Android Projector Bagi Hadiah Pemenang Cabutan Bertuah Kajian Audiens

Bayaran Yuran (Termasuk e-dokumen):
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 20 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
19 / JULY / 2025 / KKBS / PJK / 16.105

Tajuk Sebut Harga:
External Repainting Work to Block 1, Block 2, Block 3, Block 4 and Block 5 for Program Khidmat Bakti Negara Training Camp, Batu Apoi, Temburong.

Tarikh Tutup:
Khamis, 14 Ogos 2025

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong (Kelas I & II Sahaja)

Bilangan Tawaran:
JMM / Q&T / JKSH / 2025 / 17

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (36 Months) for Cleaning of Reflecting Pool, Water Tank Cleaning Services and Maintenance to Plumbing & Sanitary System at Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
26 Ogos 2025

Tarikh Tutup:
Selasa, 2 September 2025
Jam 2.00 petang



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0017 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Provide and Conduct Diving Training Course for The Staffs of Department of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis, 14 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
IV & V sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
30 Julai 2025

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Tidak lewat Selasa, 19 Ogos 2025
Jam 3.00 petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 26 Ogos 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 14 / 2025

Nama Projek:
Pengurusan Pemeliharaan Berintegrasi Bagi Istana-Istana dan Rumah Kediaman Tetamu VIP, Daerah Brunei – Muara, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tawaran 1:
Supply and Delivery Fire Jacket and Trouser Complete with Stripe White and Yellow, Helmet and Glove

Kod Tawaran:
BFRD / LTK / 03 / 2025 - 2026

Tender Fee:
BND30.00
(Tiga Puluh Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup:
Selasa, 26 Ogos 2025



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIRAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSQR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (pengetahuan / pengahat serta subjek / bidang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (Fotokopi / pengahat serta subjek / bidang kelulusan)
4. **Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
5. **Lengkapkan Maklumat** (Sumber / pekerjaan / Pekerjaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertingkatkan di dalam iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. JAWATAN-JAWATAN DALAM TANGGA GAJI B.2 EB.3 KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/JUL/01/KHLN	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	10	7(A) – GAJI HARI	16 OGOS 2025
2. PENGARAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK SUPERSCALE B (BAHAGIAN I) 2025/JUL/05/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	16 OGOS 2025
3. PEMANDU TINGKAT KHAS (KENDERAAN DARAT) JABATAN-JABATAN KERAJAAN D.1-2-3 EB.4-5-6 (BAHAGIAN IV) 2025/JUN/02/JJK	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	16 OGOS 2025
4. PENOLONG PENGGERAK JENTERA DIESEL JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK D.2-3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2025/JUN/15/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	16 OGOS 2025
5. PENGAWAS (TUKANG ELEKTRIK) JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/JUL/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	03	7(A)	16 OGOS 2025
6. JURUTEKNIK UKUR KANAN JABATAN UKUR C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/JUL/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7(A)	16 OGOS 2025
7. PEMERHATI KAJICUACA KANAN TINGKAT I JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/JUL/01/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	38 (B)	18 OGOS 2025
8. PENGAWAS TINGKAT II JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2025/JUL/01/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	18 OGOS 2025
9. PEMBANTU PEGAWAI BILIK GERAKAN PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA D.3-4 (BAHAGIAN IV) 2025/JUL/01/KKW	KEMENTERIAN KEWANGAN	01	7(A)	18 OGOS 2025
10. ATENDAN SWITCHBOARD JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2025/JUL/07/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	20 OGOS 2025
11. KETUA PEMBANTU TEKNIK POLIS DIRAJA BRUNEI C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2025/JUL/08/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	20 OGOS 2025
12. PENOLONG PENAKSIR KANAN JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/JUL/09/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	20 OGOS 2025
13. PEKERJA TEKNIKAL PEJABAT DAERAH TUTONG F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2025/JUL/02/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	20 OGOS 2025

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN T/AI SAHAJA.
3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN.



قيستا بوکو

بروني ۲۰۲۵

Pesta Buku Brunei 2025

**Anjuran
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**



28 Safar – 7 Rabiulawal 1447
22 – 31 Ogos 2025



Setiap Hari
8.30 pagi – 9.30 malam



Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas

Hari Jumaat
8.30 pagi – 11.30 pagi
2.30 petang – 9.30 malam



+673 2382511



www.dbp.gov.bn



dbpbrunei
pbbrunei



dbpbrunei



Dewan Bahasa dan
Pustaka Brunei



MENGABAIKAN KEWAJIPAN ZAKAT HARTA: MENGUNDANG AZAB DAN KERUGIAN



Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 14 Safar 1447H / 8 Ogos 2025M



Harta merupakan kurnia Allah S.W.T kepada hamba-hambanya yang menjadi keperluan setiap orang. Harta boleh membawa **kebahagiaan**, akan tetapi sebaliknya, jika salah penggunaan harta itu boleh membawa **kebinasaan**

Di Negara Brunei Darussalam, orang ramai yang hendak menunaikan Zakat Harta, bolehlah datang ke:

Kaunter Kutipan Zakat, Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB) di bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama

Kaunter Zakat JUZWAB di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Belait & Temburong

Amil-amil, institusi kewangan dan perbankan serta penyedia perkhidmatan yang telah dilantik menjadi amil di seluruh negara

ANTARA HIKMAH PENSYARIATAN ZAKAT:

Wadah atau cara untuk menyatakan rasa syukur atas nikmat yang dikurniakan Allah S.W.T



Membersihkan jiwa dan mensucikan hati dari rasa dengki sesama anggota masyarakat

Mendidik dan membiasakan diri seseorang menjadi dermawan, pemurah dan suka membantu



Membantu menjana ekonomi yang stabil dan teratur

1

2

3

4

5

6

7

Berfungsi sebagai pembersih diri dan harta



Menghapus rasa benci golongan miskin terhadap golongan kaya



Masalah disebabkan tekanan dari kesempitan hidup di kalangan fakir miskin boleh diatasi dengan kelapangan dan kesenangan yang terhasil dari bantuan zakat yang diterima



Mengabaikan kewajiban Zakat Harta : Mengundang azab dan kerugian

kamu sebagai penguasanya. Maka orang-orang yang beriman antara kamu dan membelanjakan (sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah), mereka beroleh pahala yang besar".

Sering kali orang terlepas pandang akan kewajiban Zakat Harta berbanding Zakat Fitrah. Ada yang beranggapan bahawa zakat yang wajib itu ialah Zakat Fitrah sahaja dan merasakan bahawa mereka telah menunaikan kewajiban zakat dengan mengeluarkan Zakat Fitrah pada setiap kali menjelang Aidilfitri.

Masih ada yang kurang faham atau tidak tahu tentang Zakat Harta, hukum-hukum zakat, tidak tahu kadar nasab dan cara pengiraan zakat serta tidak tahu di mana tempat untuk mengeluarkan zakat. Di Negara Brunei Darussalam, orang ramai yang hendak menunaikan Zakat harta, bolehlah datang ke tempat-tempat berikut seperti Kaunter Kutipan Zakat, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Cawangan-cawangan Kaunter JUZWAB di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong, amil-amil, institusi kewangan dan perbankan serta penyedia perkhidmatan yang telah dilantik menjadi amil di seluruh negara.

Memandangkan zakat merupakan salah satu daripada Rukun Islam, masalah ini adalah wajib untuk diketahui, umpamanya bagaimana cara mengeluarkan Zakat Perniagaan, Zakat Harta dan lain-lain yang wajib dizakatkan. Sesungguhnya hukum mengeluarkan zakat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syaratnya. Orang yang tidak mengeluarkan zakat adalah fasik dan berdosa besar manakala orang yang ingkar akan ketetapan hukum wajib zakat pula dikira kufur. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 110 :

Tafsirnya : "Dan dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat. Dan apa jua kebaikan yang kamu dahulukan untuk diri kamu nescaya kamu akan mendapat ganjaran pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan".

Adapun antara hikmah pensyiaran zakat ialah :

Pertama : Wadah atau cara untuk menyatakan rasa syukur atas nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua : Berfungsi sebagai pembersih diri dan harta.

Ketiga : Membersihkan jiwa, menyucikan hati daripada rasa dengki sesama anggota masyarakat, mengukuhkan ikatan persaudaraan sesama Islam dan menambah rasa kasih sayang dan

keakraban di antara setiap golongan masyarakat.

Keempat : Menghapus rasa benci golongan miskin terhadap golongan kaya kerana dengan bantuan zakat, mereka dapat merasakan adanya pertolongan, rasa tanggungjawab dan perikemanusiaan serta merasakan adanya perkongsian dalam hak pemilikan harta.

Kelima : Mendidik dan membiasakan diri seseorang menjadi dermawan, pemurah dan suka membantu. Dalam masa yang sama dapat menolak dan mengikis sifat kikir dan bakhil kerana Allah Subhanahu Wata'ala memberkati harta si pemberi zakat dan menambahnya.

Keenam : Masalah disebabkan tekanan daripada kesempitan hidup yang biasanya berlaku dalam kalangan fakir miskin, orang yang dibebani hutang atau seumpamanya yang boleh diatasi dengan kelapangan dan kesenangan yang terhasil daripada bantuan zakat yang diterima.

Ketujuh : Membantu menjana ekonomi yang stabil dan teratur. Penghasilan zakat yang berterusan dan peruntukannya mengikut saluran-saluran yang ditentukan membantu membina ekonomi dengan cara yang praktikal. Umpamanya bantuan modal daripada hasil kutipan zakat diberikan kepada fakir atau miskin yang benar-benar berhajat untuk berniaga atau membuka perusahaan.

Sesungguhnya orang-orang yang menunaikan zakat dijanjikan ganjaran besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Antaranya memperoleh ganjaran pahala yang berganda sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Rum, ayat 39 :

Tafsirnya : "Dan pemberian (riba) yang kamu berikan (dengan maksud) supaya ia bertambah pada harta manusia maka ia tidak bertambah di sisi Allah. Dan pemberian zakat (atau sedekah) yang kamu berikan kerana menghendaki keredaan Allah maka mereka itulah orang yang mendapat pahala berlipat ganda".

Selain itu, di dalam Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak memberikan ancaman dan amaran sebagai peringatan dan pengajaran, bahkan banyak cerita-cerita ataupun kisah-kisah mengenai orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat untuk menjadi iktibar kepada kita.

Adapun antara azab ataupun seksa yang bakal diterima oleh mereka yang ingkar dan enggan mengeluarkan zakat itu ialah dikalungi ataupun dilingkari lehernya oleh ular daripada api sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud, "Sesiapa yang dikurniakan harta oleh Allah namun dia tidak mengeluarkan zakatnya, nescaya pada Hari Kiamat nanti hartanya itu dijadikan seekor ular berkepala licin (kerana sangat berbisa) yang mempunyai dua taring yang akan melitinya. Kemudian ular tersebut akan menyambarnya dengan dua tulang rahangnya lalu ia berkata : "Aku adalah hartamu, aku adalah simpananmu". Kemudian Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam membaca ayat yang tafsirnya : Dan janganlah sekali-kali orang yang bakhil dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kurnia kemurahannya (enggan mengeluarkan harta di jalan Allah dan tidak mahu membayar zakat) menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka".

Pada hakikatnya, harta benda dan kekayaan yang kita miliki bukanlah hak milik kita yang mutlak, akan tetapi amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Manusia dibenarkan memperoleh dan menikmati rezeki kekayaan tersebut dengan mengikut lunas-lunas syarak dan apabila telah cukup syarat-syaratnya maka hendaklah dikeluarkan zakat.

Sesungguhnya harta yang telah cukup syarat-syaratnya akan tetapi tidak dikeluarkan zakat, maka pemilik harta tersebut akan mendapat seksa yang amat pedih di akhirat nanti.

Akhirnya, marilah kita tanamkan keinsafan dan kesedaran dalam diri kita dan takut akan seksa Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat pedih di akhirat kelak. Mudah-mudahan kita semua dikurniakan rezeki yang melimpah ruah dan dijauhkan daripada bersifat bakhil dan kedekut. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ramai daripada pendeta-pendeta Yahudi dan rahib-rahib Nasrani benar-benar memakan harta orang lain dengan cara yang batil dan mereka menghalangi (manusia) daripada jalan Allah. Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak (yang tidak dikeluarkan zakatnya) dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah maka gembirakanlah mereka dengan azab yang pedih. (Iaitu) pada hari dibakar emas dan perak serta harta benda itu dalam Neraka Jahanam lalu diseterika (dibakar) dengannya dahi mereka dan rusuk mereka serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka) : "Inilah apa yang kamu telah simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (balasan azab daripada) apa yang kamu simpan (dengan tidak membayar zakatnya) itu". (Surah At-Tawbah, ayat 34-35)

Persembahan Malam Bercorak Keagamaan serikan Pentas Perayaan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-79, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) malam tadi mengadakan Persembahan Malam Bercorak



Keagamaan di Pentas Perayaan, Kawasan Lapang Berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja di ibu negara.

Persembahan tersebut merupakan aktiviti tahunan jabatan berkenaan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada para pegawai dan kakitangan KHEU serta jabatan-jabatan di bawahnya untuk menzahirkan rasa kasih dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di samping memeriahkan suasana sambutan perayaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, dan isteri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah

ANTARA yang menyertai Persembahan Malam Bercorak Keagamaan.

dan Doa Allah Peliharakan Sultandan NBD yang dipimpin oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Haji Awang Muhammad Naqib bin Haji Awang.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah An-Nisa, ayat 59 yang dipimpin oleh salah seorang belia di bawah Program Keagamaan Belia, Awang Muhammad Nur Alim bin Abdullah Nordin, diikuti dengan *ibrah* yang disampaikan oleh Awang Muhammad Naqib.

Seterusnya, Peraduan Tazkirah Da'ie Muda yang menampilkan penyertaan daripada enam orang belia, masing-masing menyampaikan tazkirah bertemakan keagamaan dan dakwah.

Acara malam tersebut turut diserikan dengan Persembahan Tausyeh bertajuk 'As Subhu Bada x 15 Julai Kelahiran Putera' daripada para pegawai perantis dan pelajar penempatan kerja di PDI.

Acara disusuli dengan Podcast Da'ie Basanayan yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Ahmad Muzaffar bin Haji



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan.

Marsidi, manakala Awang Muhammad Abdul Haziq bin Hanafi, juga Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, selaku moderator.

Rakaman Podcast Da'ie Basanayan ini akan dapat d itonton melalui saluran YouTube @pdikheu dan Instagram @pdi_kheu.

Acara diteruskan dengan sesi

kuiz bersama para pengunjung yang hadir menyaksikan persembahan pentas perayaan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para peserta Peraduan Tazkirah Da'ie Muda dan pemenang kuiz yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, serta penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat.

KEBAIKAN PENYUSUAN SUSU IBU (PSI)

1. Melindungi anak damit daripada jangkitan
2. Satu mekanisme yang mengukuhkan kesihatan ibu dan anak
3. Persekitaran kondusif perlu untuk PSI
4. Sokongan suami, keluarga, majikan dan orang terdekat penting
5. PSI secara eksklusif penting bermula selepas kelahiran sehingga berumur dua tahun atau lebih
6. PSI intervensi utama dalam usaha untuk mencegah serta menangani masalah obesiti
7. PSI membentuk ikatan fizikal dan emosi antara ibu dan anak
8. Susu ibu mengandungi antibodi yang tinggi



Kehebatan susu ibu mekanisme kukuhkan kesihatan ibu, anak damit

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Infografik : Seksyen Meja Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

PENYUSUAN Susu Ibu (PSI) merupakan satu anugerah semula jadi yang mengandungi hikmah besar dari aspek biologi, kesihatan, sosial dan keagamaan. Minggu PSI Sedunia yang disambut setiap tahun pada 1 hingga 7 Ogos merupakan wadah untuk mengingatkan masyarakat global tentang kepentingannya.

Aktiviti global yang dilancarkan pada tahun 1992 ini mempunyai tujuan utama untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat PSI dan untuk mempromosikan persekitaran yang menyokong dan mengekalkan amalan PSI. Pada tahun ini, tema sambutan ialah 'Utamakan PSI : Membangun Sistem Sokongan Yang Mampan (Prioritise Breastfeeding : Create Sustainable Support Systems)'.

Dalam agama Islam, kepentingan PSI jelas terbukti melalui firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menggalakkan para ibu menyusukan anak-anak mereka daripada lahir hingga genap berusia dua tahun. Ini kerana, PSI dapat memberi kesan yang positif kepada tumbesaran kanak-kanak.

Al-Quran dalam Surah Al-Baqarah, ayat 233 menyebut :

"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun penuh, iaitu bagi orang yang ingin menyempurnakan penyusuan".

Ayat ini bukan sahaja menjadi panduan tempoh penyusuan tetapi juga menunjukkan bahawa penyusuan adalah hak anak yang perlu dipenuhi oleh ibu bapa. Sekiranya ibu tidak mampu, Islam membenarkan wanita lain menyusukan dan hubungan mahram akan terbentuk melalui susu.

Dalam Islam, penyusuan bukan sekadar

satu pilihan kesihatan, ia adalah satu amanah, hak asasi anak dan ibadah yang selari dengan Maqasid Syariah - objektif utama syariah Islam dalam memelihara kemaslahatan manusia.

Susu ibu merupakan satu sebatian tiada tandingan yang diciptakan oleh Allah demi memenuhi keperluan nutrisi anak damit dan melindungi anak damit daripada sebarang jangkitan. Keseimbangan makanan berkhasiat dalam air susu ibu adalah pada kadar yang tepat dan bersesuaian dengan tubuh anak damit yang belum matang.

PSI secara eksklusif

PSI secara eksklusif bermaksud, anak damit hanya diberi susu ibu dalam masa enam bulan pertama selepas kelahirannya. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menyarankan anak damit harus diberi susu ibu secara eksklusif selama enam bulan yang pertama dan PSI harus diteruskan berserta dengan makanan pelengkap yang berkhasiat dan selamat diberi kepada anak damit sehingga berumur dua tahun atau lebih.

Sebaik selepas ibu melahirkan anak, susu pertama berwarna kekuningan akan terhasil. Susu ini dinamakan kolostrum. Khasiatnya amat tinggi di mana ia mengandungi protein tiga kali ganda melebihi susu ibu biasa. Ia juga mengandungi antibodi yang tinggi serta sel darah putih yang berperanan untuk melawan penyakit. Kolostrum mampu melawan pelbagai jangkitan penyakit seperti cirit-birit, selesema dan radang paru-paru. Malah ia bertindak sebagai imunisasi yang pertama. Para ibu digalakkan kerap memberi susu ibu pada hari-hari pertama kelahiran bagi membekalkan kolostrum secukupnya pada anak damit.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), hasil

pengumpulan data rutin bagi tahun 2024 menunjukkan bahawa kadar PSI secara eksklusif adalah 37 peratus yang mana ini jauh dari sasaran yang ditetapkan oleh WHO iaitu sekurang-kurangnya 50 peratus. Angka ini menunjukkan penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya, di mana kadar tertinggi pernah direkodkan adalah sekitar 47 peratus pada tahun 2019. Penurunan kadar ini adalah membimbangkan kerana amalan PSI telah pun dikenal pasti oleh WHO dan juga Kementerian Kesihatan sebagai salah satu intervensi utama dalam usaha untuk mencegah serta menangani masalah obesiti di negara ini.

Sokongan untuk PSI

Justeru kepentingan sokongan di pelbagai peringkat untuk para ibu mengamalkan PSI pada bila-bila masa, di mana sahaja. PSI memerlukan sokongan yang menyeluruh dan berterusan dari semua pihak, termasuk keluarga, masyarakat, tempat kerja dan persekitaran yang kondusif. Antara sokongan yang dimaksudkan termasuk membentuk dasar yang menggalakkan PSI, masyarakat yang boleh mewujudkan persekitaran mesra PSI, sistem dan perkhidmatan kesihatan yang menyokong dan melindungi PSI dan memastikan ibu-ibu mendapat akses kepada sumber, maklumat dan sokongan yang diperlukan untuk mengamalkan PSI dengan berjaya.

Selain itu suami dan keluarga juga memainkan peranan yang penting bagi menjayakan amalan PSI dalam kalangan para ibu dengan boleh mempelajari asas-asas PSI termasuk sokongan moral dan emosional. Selain daripada keluarga, masyarakat juga perlu peka tentang keperluan untuk menyediakan persekitaran yang mesra agar para ibu boleh mengamalkan PSI di mana-mana dengan

selesa seperti penyediaan ruang penyusuan yang selamat dan bersih di bangunan-bangunan komersial dan di tempat awam yang mana sudah disediakan di beberapa tempat pusat membeli belah di negara ini.

Majikan juga memainkan peranan yang penting bagi mewujudkan suasana kerja yang menyokong PSI dengan memastikan perlindungan cuti bersalin, menyediakan ruang dan kemudahan penyusuan yang selesa dan tempat simpanan susu seperti peti sejuk serta jadual kerja yang fleksibel.

Kementerian Kesihatan NBD juga akan terus komited untuk menyokong para ibu melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan seperti penganjuran kelas PSI bagi ibu mengandung, memberi kaunseling dan juga bantuan secara praktikal bagi ibu yang memerlukan selepas kelahiran anak damit. Kementerian Kesihatan juga akan berusaha untuk memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan dan juga melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kesedaran awam serta mewujudkan persekitaran mampan yang mewujudkan sokongan untuk mengekalkan amalan PSI, dengan kerjasama dari pelbagai agensi dan pihak berkepentingan. Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan ini menunjukkan sokongan yang berterusan dan mampan bagi PSI.

Kesimpulan

PSI bukan sahaja fitrah manusia dan anjuran kesihatan sejagat. Ia adalah ibadah yang memenuhi tuntutan Maqasid Syariah dalam menjaga keturunan dan jiwa. Ia adalah satu mekanisme yang mengukuhkan kesihatan ibu dan anak dan seterusnya membina ketamadunan sebuah masyarakat. Dengan menyokong PSI, kita pada dasarnya memupuk generasi masa depan yang lebih sihat, pintar dan berakhlak sebagai warisan terbaik untuk ummah.



Oleh : Nur Alya Irdina Haji Madali, Penempatan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam di Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

BULI merupakan tingkah laku agresif yang boleh menimbulkan rasa trauma kepada mangsa. Tanpa disedari, sejak kebelakangan ini, kes buli sering berlaku tidak kira di mana sahaja sama ada di tempat kerja, sekolah mahupun tempat umum. Buli ada pelbagai jenis iaitu buli secara fizikal yang mana boleh menyebabkan kecederaan kepada mangsa, manakala, buli secara lisan ialah menggunakan bahasa yang kurang elok yang ditujukan kepada mangsa dan buli siber iaitu tindakan menyiarkan perkara tidak elok atau palsu bagi tujuan memalukan mangsa. Gejala buli tidak harus dinormalisasikan dalam masyarakat.

Sememangnya gejala buli semakin berleluasa disebabkan oleh platform media sosial yang telah memberi pengaruh besar serta ruang yang luas untuk orang ramai berinteraksi dan berkongsi maklumat. Kanak-kanak dan remaja mudah terpengaruh dengan adegan-adegan yang berunsurkan negatif seperti pergaduhan, bahkan, perlakuan buli juga ada dipertontonkan di dalam drama dan filem antarabangsa.

Kekurangan kasih sayang dalam keluarga boleh menyebabkan anak tiada tempat mengadu dan tidak dapat meluahkan perasaan kepada ibu bapa disebabkan ibu bapa sibuk bekerja sehingga hal ehwal anak turut terabai sehingga mengakibatkan mereka merasa tertekan. Disebabkan inilah, anak tersebut melepaskan tekanan mereka

kepada orang lain. Oleh itu, ibu bapa harus memberi sepenuh perhatian dan mengikuti perkembangan anak mereka serta memberi mereka didikan yang baik.

Pengaruh rakan sebaya antara punca gejala buli semakin menjadi-jadi. Memilih rakan yang baik dan bermoral baik juga penting kerana rakan yang baik mendorong orang lain melakukan kebaikan manakala jika disebaliknya, akan mendorong seseorang itu melakukan aktiviti yang tidak bermoral.

Kesan buli

Jika gejala buli ini tidak dicegah dari awal lagi, ia boleh mendatangkan kesan-kesan negatif kepada masyarakat dalam jangka masa yang panjang. Gejala buli ini boleh menyebabkan mangsa merasa takut untuk bersosial dengan masyarakat lainnya dan mengalami tekanan yang mana boleh menimbulkan kemurungan, hilang keyakinan diri untuk berhadapan dengan orang ramai dan lebih teruk lagi mendorong mereka untuk melakukan perkara yang terlarang. Tidak mustahil mangsa buli boleh menjadi pembuli suatu hari nanti akibat tekanan yang mereka hadapi dari pembuli sebelumnya.

Gejala buli mendorong kemerosotan moral yang baik dalam kalangan masyarakat. Mereka akan lebih giat melakukan gejala buli dan terlibat dalam melakukan jenayah lainnya kerana kurangnya tindakan daripada

pihak bertanggungjawab. Pembuli akan berasa apa yang mereka lakukan adalah perkara yang hebat sehingga menyebabkan orang takut akan mereka tetapi pembuli tidak sedar kelakuan mereka telah membuatkan seseorang hilang keyakinan diri.

Cara membanteras gejala buli

Hasil dapatan dari Pelita Brunei 2023 mengenai buli, terdapatnya beberapa program yang telah diwujudkan untuk menangani kes buli antaranya program yang telah dilaksanakan oleh Pusat Promosi Kesihatan melalui Kumpulan Strategi Kesihatan Mental yang telah mengunkayahkan Program Brunei Bebas Buli. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu buli kepada kanak-kanak dan remaja. Selain itu, inisiatif lainnya, Program B.E.S.T yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan bagi tahun 2023 bersempena Hari Antarabangsa Menentang Keganasan dan Buli Di Sekolah adalah bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan kepada pelajar untuk mengatasi buli di sekolah.

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan anak-anak mereka sentiasa dipantau ketika menggunakan media sosial di samping itu, ibu bapa juga boleh menghadkan masa penggunaan dan menetapkan kandungan yang sesuai bagi anak mereka dengan menggunakan kawalan ibu bapa (*parental control*) di telefon bimbit anak mereka. Dengan ini kehidupan anak-anak akan lebih teratur dan kurangnya pendedahan kepada

perkara yang tidak berfaedah.

Selain itu, menyediakan saluran yang selamat dan sah bagi mangsa buli untuk melaporkan aduan mereka sekiranya mereka dibuli tanpa perlu risau identiti mereka diketahui. Kebanyakan mangsa buli takut untuk membuat aduan mengenai kes buli disebabkan perasaan takut atau bimbang jika aduan mereka diketahui oleh pembuli. Dapatan dari Pelita Brunei 2025 dalam Persidangan Hari Keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara menyatakan Kementerian Pendidikan akan menjalankan tindakan yang bersesuaian kepada pembuli, gangsterisme dan penyalahgunaan dadah serta pihak berkuasa seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan agensi yang berkait juga akan turut terlibat sama. Ini memperlihatkan bagaimana membuli itu memberi impak besar dalam masyarakat.

Kesimpulan

Gejala buli sememangnya tidak dapat dibendung sepenuhnya, namun usaha untuk membanteras buli dari semua pihak amat dititikberatkan serta akan mampu mengurangi gejala buli pada masa akan datang, ini sesuai dengan pepatah Melayu 'Mencegah lebih baik daripada mengubati', yang memberi maksud untuk melakukan segala langkah berjaga-jaga bagi mencegah perkara tidak diingini berlaku. Langkah-langkah berkenaan akan dapat memberi kebaikan serta manfaat pada masyarakat masa akan datang.



MENINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT KEPENTINGAN PSI



PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Lailawati binti Haji Jumat hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) Sedunia 2025.

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

KUALA BELAIT, Rabu, 6 Ogos. - Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu berkaitan Penyusuan Susu Ibu (PSI), Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Kuala Belait mengadakan Majlis Sambutan Minggu PSI Sedunia 2025 yang berlangsung di Bilik Kuliah, Bangunan Wanita dan Kanak-kanak hospital berkenaan, pagi tadi.

Minggu PSI Sedunia yang disambut setiap bulan Ogos tersebut juga dihasrat untuk meningkatkan kesedaran global dengan menekankan kepentingan PSI sebagai amalan pemakanan terbaik untuk anak damit dan kanak-kanak.

Di samping itu, ia turut diharap dapat memperkasa serta memberi sokongan yang berterusan dalam usaha menyusukan anak damit.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada sambutan berkenaan ialah Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Lailawati binti

Haji Jumat.

Dalam ucapan alu-aluan Pegawai Jururawat, Dayang Roziah binti Haji Mohd. Ali selaku Pengerusi Bersama Sambutan antara lain mengongsikan bahawa HSSB telah menyambut Sambutan Minggu PSI sejak tahun 2000 selaras dengan hospital-hospital di negara ini.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa 90 peratus ibu-ibu yang menyusui anak damit mereka semasa di dalam wad selepas bersalin di atas bantuan dan sokongan jururawat, bidan, doktor-doktor dan suami-suami serta keluarga.

Menerusi sokongan serta kerjasama hospital kerajaan dan swasta yang inklusif, tambahnya lagi, usaha bersepadu itu juga mampu memartabatkan kesihatan ibu dan anak damit, seterusnya memastikan lebih ramai menyokong amalan PSI.

Acara pada pagi tersebut diteruskan lagi dengan sesi forum di bawah Program PSI yang

disampaikan oleh Pakar Obstetrik dan Sakit Puan, Dr. Myat San Yi; Pegawai Perubatan (Pedriatrik), Dr. Marie Lou Acevedo Villar; Pegawai Bidan, Dayang Nurhafizah binti Haji Mohd. Pauzi; dan Pegawai Tugas-tugas Khas, Tingkat II (Keugamaan) SkiPPA, Dayang Siti Nurhamizah Khairunissa' binti Haji Zulkifle.

Tetamu kehormat majlis seterusnya menyempurnakan Majlis Penyampaian Cenderahati dan Sijil Penghargaan kepada ahli panel forum sebelum dibawa melawat ke pameran mini yang ditempatkan di ruang lobi, Blok Perempuan dan Kanak-kanak hospital berkenaan yang akan diadakan sehingga 7 Ogos 2025.

Tema sambutan Minggu PSI pada tahun ini ialah Mengutamakan Penyusuan Susu Ibu: Cipta Sistem Sokongan yang Mampan (Prioritize Breastfeeding: Create Sustainable Support Systems).

Turut hadir pada majlis tersebut, para pegawai serta kakitangan HSSB.

defendan telah menginap di dua buah hotel tempatan beberapa kali tanpa membuat bayaran segera, mengelakkan prosedur tempahan yang standard dan mendapat layanan istimewa. Invois yang tidak dibayar berjumlah kira-kira BND5,000, yang hanya diselesaikan selepas siasatan dimulakan.

Semasa masih berhutang dengan hotel-hotel tersebut, dia mengambil tindakan rasmi yang menguntungkan mereka, termasuk mempercepatkan proses pemeriksaan dan kelulusan.

Defendan juga telah mendedahkan maklumat sulit kerajaan secara tidak sah kepada pemilik hotel yang mempunyai kepentingan perniagaan berkaitan dengan KSSUP, yang mencetuskan konflik kepentingan yang ketara.

Dalam tiga kesalahan berasingan yang lain, defendan menerima sejumlah BND9,500 melalui pindaan bank daripada seorang vendor yang terlibat dalam festival tahunan KSSUP, yang dia ketuai sebagai Pengerusi Sekretariat. Bayaran-bayaran tersebut tidak diisytiharkan dan sebahagiannya digunakan untuk perbelanjaan peribadi.

Mahkamah mendapati perkara ini sebagai satu pelanggaran

PUISI

Jubli Intan Perkahwinan Nilainya Nikmat

Tentu saja pencapaian ini
pencapaian berkat
iaitu kurnia Allah
Pemilik rahmat
kepada raja yang berdaulat,
kurnia ini
tidak syak lagi
nilainya "nikmat"
berupa
usia perkahwinan
mencapai Jubli Intan
dan juga
usia siapa
sama-sama lanjut
yang berkenaan.
Tidaklah ini tanda
Allah mengasihi
Baginda-Baginda Raja?
Adapun kasih Allah itu
nilainya amat tinggi
berstatus nikmat.

Oleh itu
makanya wajar
ia disyukuri,
kerana Allah
memang menyuruh
nikmat-Nya disyukuri,
sebagaimana firman-Nya
dalam Surah An-Nahl
ayat 114 tafsirnya:
"Dan syukurilah
oleh kamu
nikmat Allah,
jika benar kamu
hanya semata-mata
menyembah-Nya."
Perlu diingat,
mensyukuri nikmat
bukan percuma,
tetapi ia
akan dibalas
dengan ganjaran berlipat ganda
seperti janji Allah
dalam Surah Ibrahim
ayat tujuh (7),
tafsirnya:

"Demi sesungguhnya
jika kamu bersyukur
(terhadap nikmat-Ku)
nescaya Aku
akan menambah lagi
nikmat-Ku itu kepada kamu."

Dalam makna,
kalau kita bersyukur
kerana dikurniakan nikmat harta,
maka harta itu
akan bertambah.
Maka begitulah
kalau kita bersyukur
kerana nikmat umur panjang,
maka umur itu juga akan
bertambah.
Demikian menurut Hadits
menguatkan lagi ayat di atas.

Mengapa nikmat jadi kurnia
adakah ini tanda
Pengurnia nikmat
menyukai hamba-Nya
yang dikurniakan nikmat itu?
Menjelaskan Imam At-Tirmizi:
"Bahawa hamba yang beriman
dan membuat kebajikan
memang berhak dikasihi
oleh Ar-Rahman
Tuhan Maha Pemurah."

Maka berdasarkan ini,
raja kita
tidak diragukan lagi
adalah penyandang
kasih sayang
daripada Allah itu.
Mengapa begitu?
Kerana raja-raja kita
adalah para hamba yang
beriman
dan banyak
menyumbang kebajikan.

Lihatlah
dari usia hijau lagi
Rukun Islam
sudah disempurnakan:
ibadat sembahyang
ibadat puasa
ibadat zakat
ibadat haji
dan membaca Al-Qur'an,
semuanya ditunaikan.

Kemudian ...
kebajikan umum pula
tidak diabaikan
terutama kebajikan
berupa sedekah
berupa kurnia-kurnia
berupa bantuan-bantuan,
baik melalui kerajaan
mahupun
berupa kurnia-kurnia peribadi
yang sangat berkesan.
Maka dengan hal demikian
Allah pun
membalas raja
dengan nikmat-Nya
yang tidak terhingga,
di antara nikmat itu
ialah lanjut usia
dan Jubli Intan Perkahwinan.
Ya, tidak boleh disangkal lagi
usia lanjut adalah nikmat
60 tahun rumahtangga bertahan
juga adalah nikmat
NIKMAT, NIKMAT, NIKMAT,
sebab itu...
mesti ia disyukuri.

**ADI RUMI,
Rumah Hidayah,
Brunei Darussalam,
3 Safar 1447
28 Julai 2025.**

DARI MAHKAMAH

Penjawat awam dipenjara atas kesalahan salah laku

Oleh : Rohani Haji Abdul
Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Mahkamah Majistret baru-baru ini menjatuhkan hukuman penjara enam tahun dan enam bulan ke atas bekas Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali yang didapati bersalah atas beberapa kesalahan salah laku dalam jawatan awam.

Defendan didapati bersalah kerana menyalahgunakan

kedudukannya untuk mendapatkan faedah dari hotel-hotel di bawah seliaan kementerian serta menerima pemindahan dana daripada seorang vendor yang terlibat dalam acara yang dijalankan bersama kementerian.

Kes ini merupakan sabitan pertama di Negara Brunei Darussalam yang diselesaikan selepas perbicaraan penuh di bawah Bab 12B Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.

Siasatan oleh Biro Mencegah Rasuah telah menemui bukti salah laku oleh defendan. Antara Jun 2020 hingga Februari 2021,

sengaja terhadap prinsip ketelusan yang dijangka daripada jawatannya serta satu pengkhianatan serius terhadap kepercayaan awam.

Dalam menjatuhkan hukuman, Yang Arif Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman menyatakan bahawa keseriusan salah laku ini dipertingkatkan lagi oleh kedudukan tinggi defendan serta kesalahannya yang berulang.

Kesalahan di bawah Bab 12B Akta Pencegahan Rasuah telah diperkenalkan melalui pindaan tahun 2015. Peruntukan ini memperluaskan skop undang-undang anti-rasuah dengan mengiktiraf salah laku dalam jawatan awam yang lebih dari

hanya penerimaan rasuah, bagi memastikan akauntabiliti dan integriti dalam Perkhidmatan Awam.

Keputusan ini menyampaikan mesej yang jelas bahawa semua pegawai awam, tanpa mengira pangkat, akan dipertanggungjawabkan bagi mengekalkan integriti dan tadbir urus yang baik.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Dayangku Didi-Nuraza binti Pengiran Abdul Latiff, Hajah Siti Mu'izzah binti Haji Sabli dan Jordan Tiah Teck Chiun bagi pihak Pendakwa Raya manakala defendan diwakili oleh Tetuan Yusof Halim & Partners.

SUNTIK SEMANGAT ASEAN-NESS



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Dalam usaha untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian

Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN ke Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri, di sini. Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Pengetua Sekolah, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof Al-Idrus

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN ke Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri (kiri dan kanan).

dan juga tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada 408 orang pelajar Tahun 7 dan 8.

Antara lain taklimat adalah untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community). Para pelajar juga berkesempatan mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN.

Dengan hasrat untuk



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

membarigakan mengenai ASEAN, ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, pada masa yang sama juga dapat

menguatkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam mengamalkan hala tuju negara satu masa nanti.

Majlis Khatam Al-Quran raikan 32 murid Darjah VI

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Ketua Kampung Zon 3 Kampung Ayer, Mukim Zon 2 Kampung Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim hadir selaku tetamu khas pada Majlis Khatam Al-Quran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Seramai 32 orang murid Darjah VI terdiri daripada 21 murid lelaki dan 11 murid perempuan, menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Besar Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar (SUBPUKHAU), Kampung Setia, petang tadi.

Hadir selaku tetamu khas bagi menyempurnakan majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampung Ayer, Mukim Zon 2

Kampung Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah oleh peserta khatam bermula dari Surah Ad-Duha hingga Surah Al-Lahab.

Bacaan Takhtim pula diketuai oleh barisan guru dan murid perempuan Darjah IV dan V, yang terdiri daripada Dayang Kastini binti Haji Jumat; Dayang Hajah Rosiah

binti Haji Damit; Dayang Noraini binti Tuba; Pengiran Hajah Rosinah binti Pengiran Chuchu dan Dayang Hayati binti Haji Khamis.

Doa Khatam dibacakan oleh Awang Mohammad Adam Syazwan bin Pengarah Mohd. Hazreen, manakala persembahan Dikir Marhaban dipersembahkan oleh guru-guru dan murid-murid lelaki Darjah IV dan V yang diketuai oleh Awang Haji Mohyamin bin Mohammad; Awang Akbarfikrie bin Mohamad; dan Awang Muswady bin Saftu.

Acara turut diserikan dengan merenjis minyak wangi serta penyampaian Sijil Khatam kepada para peserta, yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis dan seterusnya disampaikan juga oleh para pegawai, ibu bapa dan penjaga serta guru-guru.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Mohammad Rifqi Sareza bin Sambas, sebagai penutup rasmi majlis yang penuh keberkatan ini.

Majlis seumpama ini bukan sahaja menandakan tamatnya bacaan Al-Quran 30 Juzuk oleh para murid, malah sebagai galakan untuk terus istiqamah dalam mendalami dan mengamalkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian.



PERTANDINGAN MENCIPTA REELS

SEMARAK HARI KEPUTERAAN

Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025

Bermula 21 Julai 2025 hingga 30 Ogos 2025

Hadiah menarik untuk dimenangi!

Pemenang	Hadiah
Tempat Pertama	BND1,000
Tempat Kedua	BND750
Tempat Ketiga	BND500
Sagu hati bagi lima peserta	BND100

Dibukakan kepada belia berumur 12 hingga 25 tahun




Imbas kod QR




Untuk maklumat lanjut Untuk muat turun borang pendaftaran

www.information.gov.bn | www.pelitaibrunei.gov.bn

 InfoDeptBN
  Jabatan Penerangan
  Jabatan Perdana Menteri
  infodept.bn
  infodept.bn



SERAMAI 32 orang murid Darjah VI terdiri daripada 21 murid lelaki dan 11 murid perempuan menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Besar Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, Kampung Setia.




ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

 bruneiweather
  @brunei.weather
  Weather Line 114
  www.met.gov.bn

WABAK CHIKUNGUNYA BAWAAN NYAMUK MEREBAK DI SELATAN CHINA



SHENZHEN (China), 7 Ogos. - Wabak virus chikungunya yang dibawa oleh nyamuk terus merebak di Wilayah Guangdong, selatan China, dengan pihak berkuasa tempatan melaporkan lebih 7,700 jangkitan setakat Rabu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Kebanyakan kes tertumpu di bandar Foshan, tempat wabak itu mula dikesan pada musim panas

ini.

Kes terpencil turut dilaporkan di ibu negeri wilayah itu, Guangzhou, serta beberapa bandar berdekatan.

Sementara itu, Hong Kong, sebuah Wilayah Pentadbiran Khas China, turut melaporkan kes pertama.

Pihak berkuasa telah melancarkan pelbagai langkah bagi mengekang penularan virus

itu, termasuk kempen kawalan nyamuk berskala besar. Antara langkah yang diambil termasuk melepaskan ikan pemakan jentik-jentik ke dalam kawasan berair bagi mengurangkan pembiakan nyamuk.

Selain itu, nyamuk gajah - spesies tidak berbahaya yang larvanya memakan larva nyamuk lain turut dilepaskan bagi membantu mengurangkan

populasi nyamuk pembawa virus.

Bagaimanapun, beberapa langkah kawalan mendapat kritikan di media sosial kerana dikatakan menyamai peraturan semasa pandemik COVID-19. Sebagai contoh, farmasi di Foshan diwajibkan mencatat maklumat pelanggan yang membeli ubat untuk gejala seperti demam atau sakit sendi - mirip sistem pengesanan kontak yang pernah digunakan sebelum ini untuk mengesan rantaian potensi jangkitan.

Di wilayah berjiran, Fujian, dua bandar telah mengarahkan pengembara yang pulang dari Guangzhou supaya menjalani

pemantauan sendiri selama 14 hari.

Penyakit chikungunya, yang disebarkan oleh spesies nyamuk tertentu, menyebabkan gejala seperti selesema termasuk demam serta sakit sendi dan otot yang teruk.

Gejala biasanya hilang dalam tempoh satu hingga dua minggu. Kebanyakan pesakit pulih sepenuhnya, namun virus ini lebih berisiko kepada individu yang menghidap penyakit kronik, wanita hamil dan bayi. Kematian akibat jangkitan ini jarang berlaku. - ©BERNAMA

16 warga Indonesia diusir pulang, guna helah transit masuk Malaysia – AKPS

PUTRAJAYA, 6 Ogos. - Seramai 16 warga Indonesia diarah pulang ke negara asal serta-merta selepas cubaan mereka memasuki Malaysia secara tidak sah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2 semalam digagalkan oleh pihak berkuasa.

Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dalam kenyataan hari ini memaklumkan kesemua individu terbabit, terdiri daripada lelaki dan wanita berusia antara 30 hingga 57 tahun tiba dari Surabaya, Indonesia dengan penerbangan yang menjadikan Hatyai, Thailand sebagai destinasi

akhir.

"Hasil soal siasat dan semakan lanjut melalui sistem MyIMMs mendapati 15 daripada mereka disenarai hitam kerana kesalahan tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan sebelum ini, manakala seorang lagi gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah," menurut kenyataan itu.

Siasatan juga mendedahkan modus operandi mereka adalah menggunakan khidmat ejen atau 'tekong' untuk memasuki Malaysia secara transit sebelum cuba menyelal semula ke negara ini melalui 'lalu lintas' di sempadan utara, bagi mengelak dikesan pihak

berkuasa.

Berikutan itu, kesemua mereka telah dikenakan Notis Penolakan Masuk (NTL) oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Dalam perkembangan berasingan, AKPS turut memaklumkan bahawa Pasukan Pemantau KLIA2 telah mengesan seorang pegawai penguat kuasa kaunter rujukan yang memberi cop masuk kepada seorang warga India tanpa memenuhi syarat kemasukan (*counter setting*) yang ditetapkan.

"Pegawai berkenaan telah dirujuk kepada Unit Integriti untuk siasatan lanjut," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

2 Menteri Ghana antara 8 korban dalam nahas helikopter

ACCRA, 7 Ogos. - Kerajaan Ghana mengesahkan lapan individu, termasuk dua menteri kanan, terkorban dalam nahas helikopter tentera pada Rabu, lapor Xinhua.

Menteri Pertahanan, Edward Kofi Omane Boamah, dan Menteri Alam Sekitar, Sains, Teknologi dan Inovasi, Murtala Muhammed merupakan antara yang terkorban dalam nahas itu, menurut Ketua Turus Pejabat Presiden Julius Debrah pada satu sidang media.

"Dengan berat hati saya

mengumumkan satu tragedi negara melibatkan nahas sebuah helikopter tentera pagi ini di sekitar kawasan Adansi di Wilayah Ashanti," kata Debrah.

Mangsa lain termasuk Pemangku Timbalan Penyelaras Keselamatan Negara, Muniru Mohammed Limuna, Naib Pengerusi Kebangsaan parti National Democratic Congress yang memerintah, Samuel Sarpong dan seorang bekas calon parlimen, Samuel Aboagye.

Tiga kru dalam helikopter itu,

iaitu Peter Bafemi Anala, Manin Twum-Ampaduan Ernest Addo Mensah turut disahkan terkorban.

"Presiden dan kerajaan merakamkan ucapan takziah dan simpati kepada keluarga rakan seperjuangan dan anggota perkhidmatan kami yang terkorban ketika berkhidmat untuk negara," tambah Debrah.

Sementara itu, kerajaan Ghana mengarahkan semua bendera negara dikibarkan separuh tiang sehingga diberitahu kelak. - ©BERNAMA

4 maut, berpuluh-puluh hilang akibat tanah runtuh di Utara India

NEW DELHI, 6 Ogos. - Sekurang-kurangnya empat orang maut manakala lebih 50 lagi dilaporkan hilang akibat kejadian tanah runtuh di negeri Uttarakhand, utara India pada Selasa.

Pasukan penyelamat daripada Tentera Darat India dan agensi tindak balas bencana dikerahkan ke lokasi kejadian di Dharali, kawasan yang terletak kira-kira 220 kilometer dari ibu negeri Dehradun.

Tentera Darat India memaklumkan bahawa lebih 20 mangsa telah diselamatkan

selepas tanah runtuh berlaku berhampiran Perkampungan Dharali, kira-kira empat kilometer daripada kem tentera di Harshil sekitar 1.45 tengah hari waktu tempatan.

"Operasi mencari dan menyelamatkan masih dijalankan, dengan semua sumber yang ada digerakkan bagi mengesan serta membantu mangsa yang mungkin masih terkandas," menurut kenyataan itu.

Rakaman video di media sosial menunjukkan beberapa bangunan runtuh selepas dihentam aliran lumpur deras.

Media tempatan melaporkan puluhan individu dihanyutkan selepas tanah runtuh berlaku susulan fenomena hujan lebat luar biasa.

Angka korban dijangka meningkat.

Hujan lebat musim monsun turut menyebabkan kemusnahan di beberapa kawasan lain di India.

Banyak kematian turut dilaporkan di negeri Uttar Pradesh dalam beberapa hari kebelakangan ini apabila air sungai melimpah dan membanjiri kawasan sekitarnya. - ©BERNAMA

40 maut, hampir 8.6 juta terjejas akibat hujan monsun, siklon tropika landa Republik Filipina

JAKARTA, 6 Ogos. - Sekurang-kurangnya 40 orang terkorban dan hampir 8.6 juta penduduk terjejas akibat banjir besar melanda Republik Filipina, dicituskan oleh hujan monsun yang diperhebat tiga siklon tropika, menurut Pusat Penyelaras Bantuan Kemanusiaan ASEAN (AHA Centre).

Dalam kemas kini mingguan terbaharunya, AHA Centre memaklumkan bahawa daripada 40 kematian yang dilaporkan, 37 masih menunggu pengesahan rasmi, manakala sekurang-kurangnya 33 orang cedera dan lapan lagi masih hilang.

"Kesan gabungan monsun barat daya dan siklon tropika Wipha, Francisco dan Co-May mengakibatkan banjir di 299 kawasan, terutamanya di utara dan tengah Luzon, termasuk di Wilayah I, III dan Calabarzon setakat 4 Ogos," menurut laporan itu.

AHA Centre turut memaklumkan bahawa banjir telah surut sepenuhnya di lebih 1,000 kawasan dan semakin surut di 40 kawasan lain, melibatkan anggaran 8.6 juta penduduk terjejas di 17 wilayah termasuk Metro Manila.

Sekurang-kurangnya 91,000 penduduk yang dipindahkan kini berlindung di 821 pusat pemindahan sementara lebih 108,000 lagi berlindung di rumah saudara-mara atau di luar kemudahan rasmi.

Sebanyak 254 bandar dan majlis perbandaran mengisytiharkan keadaan darurat, menurut AHA Centre.

Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Kebangsaan Filipina (NDRRMC) menganggarkan nilai kerosakan mencecah AS\$334 juta, manakala bantuan berjumlah kira-kira AS\$16.7 juta disalurkan oleh agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan rakan kemanusiaan.

AHA Centre, dengan kerjasama NDRRMC dan Pejabat Pertahanan Awam menghantar 1,000 kit kebersihan, 2,000 kit alat perlindungan dan 500 kit keluarga dari gudangnya di Kem Aguinaldo, Bandar Quezon untuk diagihkan kepada komuniti yang terjejas. - ©BERNAMA

Kubur besar dengan 32 mayat ditemukan di Mexico

BUENOS AIRES, 6 Ogos. - Pasukan penyiasat telah menemui 32 mayat dalam sebuah kubur besar di tengah Mexico, dengan 15 daripadanya telah dikenal pasti, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) pada Selasa memetik Pejabat Pendakwa Raya Negeri Guanajuato.

Akhbar Milenio melaporkan bahawa ini merupakan penemuan mayat terbesar di Guanajuato dalam tempoh lima tahun.

Mayat-mayat itu ditemukan di sebuah kawasan di perkampungan La Calera berhampiran bandar Irapuato. Bagaimanapun, punca dan butiran lanjut mengenai penemuan itu masih belum jelas.

Negeri Guanajuato, yang terletak kira-kira 350 kilometer di barat laut ibu negara Mexico City, dahulunya dianggap sebagai pusat perindustrian yang selamat, namun kini menjadi antara negeri paling berbahaya di Mexico susulan keganasan kartel dadah.

Menurut angka rasmi, lebih 124,000 orang dilaporkan hilang di seluruh Mexico.

Kebanyakan mereka dipercayai diculik dan dibunuh oleh sindiket jenayah. - ©BERNAMA



PASMA ANJUR PERTANDINGAN MEMANAH KELAB CCA SEKOLAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Ogos. - Pertandingan Memanah Ke-2 bagi Kelab CCA Sekolah Tahun 2025 anjuran Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi (PASMA) telah berlangsung di Padang Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat.

Pertandingan ini disertai oleh sebanyak sembilan sekolah daripada pelbagai kategori berbeza di mana para pelajar memperlihatkan keupayaan masing-masing dengan tujuan meningkatkan semangat kesukanan memanah. Pertandingan terbahagi kepada dua kategori iaitu individu dan berkumpulan.

Aqiel Hazim bin Ade Roddiane dari MSPSBS juara bagi Kategori Individu Lelaki, sementara tempat kedua diraih oleh Eshraq Adnan bin Kharhan juga dari MSPSBS dan Aroosh Jacobs dari International School

Brunei (ISB) memenangi tempat ketiga.

Manakala bagi Kategori Individu Perempuan, Sharlyn Ong Size Hsuen dari MSPSBS muncul juara, sementara tempat kedua disandang oleh Karyn Ong Yue Han juga dari MSPSBS dan Amirah Basyirah binti Bhrin dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) memenangi tempat ketiga.

Bagi Kategori Berkumpulan, Seri Mulia Sarjana School Team A muncul juara, sementara tempat kedua disandang oleh Seri Mulia Sarjana School Team B dan Pusat Tingkatan Enam Sengkurong memenangi tempat ketiga.

Pengerusi PASMA, Pengiran Haji Radno bin Pengiran Haji Mohammed Tahir dalam ucapannya menyatakan pertandingan ini telah menunjukkan peningkatan dalam penyertaannya yang mana kira-kira 20 buah sekolah menengah telah mengikuti CCA ini sejak 2018.

"Penggunaan busur pada tahun ini lebih kepada *new modern bow* dan insyaaAllah penggunaan bow recurve akan mula digunakan pada tahun hadapan," tambahnya.



PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang.

Kongsi beliau lagi, adapun keselamatan keutamaan, pengawalan keselamatan pada tempat tapak dan lokasi akan lebih dipertingkatkan serta penempatan tapak cawangan baharu di L3 Centre Perumahan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Pusat Akademi Sukan Memanah Ar Rafi

Kampung Lambak Kanan akan lebih memudahkan lagi peserta khususnya sekolah dan peserta sukan memanah.

Acara juga menyaksikan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang dan diakhiri dengan bergambar ramai.

Gergasi FC bangkit kecewakan Supastrikas

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Ogos. - Gergasi FC melebarkan peluang untuk menduduki tangga terbaik Liga Bola Sepak Jemputan Piala Lela Cheteria selepas berjaya menumpaskan Supastrikas dengan jaringan 6 - 3 di Kompleks Sukan Tutong.

Kejayaan itu membawa pasukan didikan Awang Haji Mohammad Rosanan bin Abdullah Samak itu mendaki ke tangga ketiga dengan 21 mata selepas bersaingan 12 kali perlawanan.

"Kemenangan ini memberi suntikan semangat kepada pemain-pemain di kala persaingan semakin mencabar terutama

untuk memburu kedudukan terbaik liga. Kami ada baki dua perlawanan yang sangat penting lagi. Saya yakin pemain akan berusaha lebih gigih untuk memburu kemenangan," jelas Ketua Jurulatih Gergasi FC, Awang Haji Mohammad Rosanan.

Beliau mengakui kebangkitan di babak kedua telah menyumbang kemenangan skuadnya selepas ketinggalan jaringan di babak pertama.

"Kita telah merubah corak permainan dan pemain-pemain telah dapat melakukannya dengan melakukan penyudahan yang

berkesan untuk mengatasi pasukan lawan sekali gus membawa pulang mata kemenangan," ujarnya.

Abiodun Fatai membuka tirai jaringan Gergasi FC pada minit ke-5 tetapi Supastrikas FT bijak menyamakan kedudukan pada minit ke-10 menerusi Md. Saufi.

Perlawanan semakin menarik apabila Md. Nurzharif berjaya menambah jaringan Gergasi FC pada minit ke-15, namun Md. Saufi membuat penyokong Gergasi FC senyap apabila penyerang lincah itu berjaya menyumbat dua jaringan berselang

seminit untuk mendahului jaringan 3-2.

Gergasi FC bijak bangkit di babak kedua selepas menyaksikan beberapa pertukaran pemain dan sekali lagi Md. Nurzharif berjaya menyumbat jaringan untuk menyamakan kedudukan pada minit ke-52 sebelum mencipta hatrik pada minit ke-78 menerusi hadiah sepakan penalti.

Pesta penyokong Gergasi FC tidak berkesudahan apabila Md. Ali Adri Rayyan berjaya melengkapkan kemenangan besar pada waktu kecederaan untuk kedudukan 6 - 3.



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara Gergasi FC menentang Supastrikas pada Liga Bola Sepak Jemputan Piala Lela Cheteria yang berkesudahan dengan jaringan 6 - 3.

Tahukah Awda

SISTEM Pendaftaran Haji Dalam Talian 'Bruhaj' yang baharu diperkenalkan pada 20 Januari 2025 yang mana majlis pelancarannya diadakan di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Pendaftaran Haji melalui sistem 'Bruhaj' adalah dengan log masuk menggunakan e-Darussalam dan ia adalah percuma. Pendaftaran Haji 'Bruhaj' dibukakan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam dan pemegang Kad Pengenalan Pintar berwarna kuning sahaja.

SUMBER : www.pelitabrunei.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSIHKAN JIWA, SUCIKAN HATI DARIPADA RASA DENGKI SESAMA ANGGOTA MASYARAKAT